

DARIPADA Ibnu Umar, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud : "Tiada hari yang lebih besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala dan lebih disukai untuk orang beramal di dalamnya melebihi dari 10 (1 hingga 10) Zulhijah kerana itu perbanyakkanlah olehmu bertahlil, takbir dan tahmid". (Hadis riwayat Imam Bukhari).

MEMPERKUKUH PERKONGSIAN EKONOMI, TEKNOLOGI PERTAHANAN, MENGEMBANGKAN KERJASAMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Presiden Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said (Lihat muka 3)

Perutusan tahniah sempena Hari Restorasi Kemerdekaan Republik Demokratik Timor-Leste



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 20 Mei.
 - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos-Horta serta kerajaan dan juga rakyat Republik Demokratik Timor-Leste bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Restorasi Kemerdekaan Republik Demokratik Timor-Leste.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Demokratik Timor-Leste, Tuan Yang Terutama Dr. José Ramos-Horta.

Berita Utama



MEMPERKUKUH kerjasama bidang pendidikan, inovasi serta pembangunan modal insan
Muka 5



WARISAN budaya cermin identiti, tamadun masyarakat
Muka 7



PERSIAPAN Sambutan HUT ABDB Ke-65 diperkukuh
Muka 9



RENCANA
 PENDIDIKAN yang berkualiti, jaminan masa depan
Muka 21

Kajian landskap negara sokong pemerikasaan ekonomi inklusif

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Pagi.

ALHAMDULILLAH, segala puji hanya bagi Allah Subhanahu Wata'ala, dengan rahmat dan keberkatan-Nya, kita dapat berkumpul di sini hari ini untuk majlis yang penting ini.

Adalah satu penghormatan bagi saya untuk menyampaikan ucapan ini, bagi pihak Pengerusi Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pada permulaan Kajian Landskap Negara mengenai Perniagaan Inklusif di Negara Brunei Darussalam (NBD). Kajian ini merupakan inisiatif kerjasama yang melibatkan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, YSHHB, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) dan Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik (UNESCAP).

Kajian ini merupakan satu peristiwa penting dalam usaha kolektif kita untuk mengukuhkan pembangunan ekonomi inklusif di negara kita, bagi memastikan pertumbuhan bukan sahaja mampan tetapi juga saksama dan berorientasikan rakyat. Lebih penting lagi, inisiatif ini mencerminkan komitmen bersama kita untuk membina laluan pembangunan di mana setiap segmen masyarakat boleh mengambil bahagian, menyumbang dan mendapat manfaat daripada kemajuan ekonomi.

Perniagaan Inklusif, seperti yang dipromosikan oleh UNESCAP dan ASEAN, merujuk kepada model perniagaan yang menyediakan barangan, perkhidmatan dan

peluang mata pencarian secara komersial yang berdaya maju, kepada mereka yang mungkin kurang mendapat perkhidmatan mengintegrasikannya ke dalam rantaian nilai sebagai pembekal, pengedar, pekerja atau pelanggan. Model-model ini menunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi dan impak sosial boleh berjalan seiring. Mereka menunjukkan bahawa perniagaan boleh menguntungkan, dalam masa yang sama meningkatkan mata pencarian, meluaskan akses kepada perkhidmatan dan mengukuhkan daya tahan dalam kalangan masyarakat.

Di seluruh ASEAN, kerajaan dan rakan kongsi bekerjasama untuk mempromosikan perniagaan inklusif sebagai mekanisme praktikal untuk mencapai pertumbuhan yang saksama dan mengurangkan ketidaksamaan bagi memastikan manfaat pembangunan sampai kepada mereka yang sangat memerlukannya. Prinsip ini sangat selaras dengan nilai kebangsaan dan falsafah pembangunan NBD.

Memajukan Perniagaan Inklusif bukanlah agenda baharu bagi NBD. Malah, ia telah pun diterapkan dalam rancangan pembangunan negara kita khususnya Wawasan Brunei 2035, yang bertujuan untuk mencapai penduduk yang berkemahiran dan berpendidikan tinggi, kualiti hidup yang tinggi dan ekonomi yang dinamik dan mampan. Aspirasi ini memerlukan kita untuk memastikan peluang ekonomi boleh diakses oleh semua segmen masyarakat, termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS), usahawan belia dan wanita, perusahaan luar bandar dan berasaskan

komuniti serta penduduk yang terdedah dan kurang mendapat perkhidmatan.

Perniagaan Inklusif menawarkan laluan berstruktur dan strategik untuk merealisasikan aspirasi ini dengan menggalakkan kepelbagaian ekonomi, mengukuhkan mata pencarian dan meningkatkan inklusi sosial yang semuanya penting untuk pencapaian Wawasan Brunei 2035.

NBD telah pun menerima amalan Perniagaan Inklusif. Oleh itu, adalah penting untuk menekankan bahawa negara tidak bermula daripada sifar kerana banyak inisiatif berterusan merangkumi prinsip teras Perniagaan Inklusif.

Di seluruh negara kita melihat, perniagaan yang melibatkan komuniti tempatan dalam rantaian bekalan, perusahaan sosial menangani cabaran sosial dan alam sekitar, program kerajaan yang menyokong PMKS dan keusahawanan dan Inisiatif berasaskan komuniti meningkatkan mata pencarian dan perkhidmatan.

Contoh ketara komitmen ini ditunjukkan melalui kerja YSHHB. Program Sara Diri (Berdikari) memperkasakan keluarga yang kurang bernasib baik dan berpendapatan rendah untuk membina mata pencarian mampan melalui pembangunan keusahawanan dan kemahiran. Inisiatif ini menggambarkan bagaimana sokongan yang disasarkan boleh mengukuhkan daya tahan dan mewujudkan laluan ke arah kebebasan ekonomi.

Sebagai mengiktiraf usaha yang memberi impak ini, YSHHB diberi penghormatan dengan Anugerah Perniagaan Inklusif



PEGUAM Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib selaku Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah berucap pada Majlis Pelancaran Kajian Landskap Mengenai Penggalakan Perniagaan Inklusif di Negara Brunei Darussalam, pada Isnin, 4 Mei 2026 yang berlangsung di Dewan An-Naura Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Dayang Hajah Apsah Haji Sahdan / Shadan

ASEAN pada tahun 2024, seterusnya mengesahkan komitmen NBD terhadap pembangunan inklusif dan berorientasikan rakyat.

>> Muka 4

WAKTU SEMBAHYANG											
MEI MASHI	HARI	ZULHIJAH HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK	
20	RABU	2	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.27	7.41	
21	KHAMIS	3	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42	
22	JUMAAT	4	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42	
23	SABTU	5	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.41	6.28	7.42	
24	AHAD	6	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.42	
25	ISNIN	7	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43	
26	SELASA	8	4.33	4.43	6.06	6.30	12.18	3.42	6.28	7.43	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Pekan Bangar	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Pekan Tutong	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Kuala Belait	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber: Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 20 MEI 2026

Raih lebih banyak pahala

KITA pada masa ini sudah memasuki bulan Zulhijah. Bulan Zulhijah adalah bulan terakhir dalam bulan-bulan Islam. Zulhijah bererti bulan di mana umat Islam melakukan ziarah ke Baitullah (Kaabah) di Makkah untuk melaksanakan ibadah haji. Bulan Zulhijah ertinya juga memiliki makna yang lebih dalam, iaitu bulan penuh ketaatan dan pengabdian kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Zulhijah menjadi momen bagi umat Islam untuk merenungkan kembali makna pengorbanan, keikhlasan dan rasa syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara amalan yang digalakkan untuk dilaksanakan pada bulan Zulhijah ini iaitu dengan memperbanyakkan zikir (Subhanallah, Alhamdulillah, Lailahailallah, Allahuakbar). Di dalam bulan Zulhijah, lisan yang basah dengan zikir menunjukkan hati yang sentiasa berpaut pada keagungan-Nya. Kita juga disarankan memperbanyakkan istighfar dan doa memohon pengampunan daripada Allah atas segala dosa yang dilakukan secara sengaja atau tidak. Sentiasa membasahkan lidah dengan membaca Al-Quran yang mana dalam bulan Zulhijah diberikan pahala berlipat ganda kerana setiap huruf adalah syafaat yang dicintai Allah. Bulan ini juga Allah Subhanahu Wata'ala menyediakan kita bermacam-macam pahala untuk diraih seperti pahala puasa sunat dari 1 Zulhijah hingga 9 Zulhijah, melaksanakan ibadah korban antara 10 Zulhijah hingga hari-hari tasyrik iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijah. Inilah simbolik pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam. Menumpahkan darah binatang ternakan demi Allah adalah amalan yang paling disukai-Nya pada Hari Raya Korban dalam bulan Zulhijah.

Semestinya selaku hamba Allah kita sentiasa menjaga hubungan sesama manusia, mengeluarkan atau menginfakkan harta dengan bersedekah dan membantu sesama Muslim. Berbakti kepada orang tua. Menjaga lisan dan akhlak yang mana akhlak paling mulia adalah pemberat timbangan di akhirat. Menjaga lisan daripada mengumpat di bulan Zulhijah membuktikan kita benar-benar menghormati kesucian bulan ini.

Dengan kita mempersiapkan diri melaksanakan ibadah korban, perlu juga kita berhati-hati dengan beberapa pantang larang yang perlu dipatuhi mulai 1 Zulhijah hingga hari bintang korban kita disembelih. InsyaaAllah dengan apa yang kita infakkan menuju jalan Allah akan mendapat keberkatan dari-Nya jua. Sekian Sidang Pengarang membawa para pembaca untuk menghayati bulan Zulhijah dengan banyak pahala yang telah Allah sediakan. Hanya terpujang kepada kita sahaja untuk merebutnya atau sebaliknya. – **Ketua Penyuntingan (Fa)**

Nota: Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

دتریتکن اوله جابتن قراغن. جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سنیدیرین برحد، نکارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Memperkukuh perkongsian ekonomi, teknologi pertahanan, mengembangkan kerjasama

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said

BERLIN, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN, Isnin, 18 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghadiri Majlis Perjumpaan Dua Hala bersama Presiden Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menzahirkan penghargaan atas sokongan dan sumbangan Republik Persekutuan Jerman kepada pembangunan Negara Brunei Darussalam (NBD) termasuk usaha sama Muara Maritime Services dan Lufthansa Teknik dalam sektor penerbangan dan kejayaan operasi loji Brunei Fertilizer.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier berbincang tentang penglibatan pemiagaan yang akan datang termasuk lawatan ke syarikat-syarikat Jerman seperti Airbus dan peluang untuk peningkatan kerjasama perindustrian dan pertahanan, yang akan terus memperkukuh perkongsian ekonomi dan teknologi pertahanan dan mengembangkan kerjasama dalam sektor nano dan memanfaatkan hubungan sedia ada dalam industri Jerman.

Kedua-dua pemimpin menyentuh tentang keselamatan di Asia Tenggara dan Eropah di tengah-tengah ketegangan global yang semakin meningkat, yang menekankan keperluan untuk kerjasama ASEAN-EU yang lebih

mendalam untuk kestabilan serantau. Kebawah DYMM juga menzahirkan penghargaan terhadap kerjasama erat di antara NBD dan Republik Persekutuan Jerman di forum-forum antarabangsa termasuk di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sehubungan itu, Kebawah DYMM mengulangi sokongan NBD terhadap pencalonan Republik Persekutuan Jerman bagi keanggotaan tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi tempoh 2027 - 2028 serta merakamkan penghargaan atas sokongan Republik Persekutuan Jerman terhadap pencalonan NBD sebagai Naib Presiden Perhimpunan Agung PBB bagi tempoh 2028-2029.

Mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa, Kebawah DYMM

mengongsi perkembangan terkini mengenai ASEAN dan menzahirkan kebimbangan yang mendalam terhadap Timur Tengah terutamanya mengenai Palestin dan Lubnan dan mengesahkan kembali sokongan NBD terhadap Negara Palestin yang merdeka berdasarkan penyelesaian dua negara dan mempunyai sempadan pra-1967.

Baginda menaruh harapan bagi usaha berterusan daripada rakan kongsi Eropah untuk mengurangkan ketegangan dan untuk menyumbang kepada penyelesaian secara aman dan menegakkan prinsip-prinsip Piagam PBB.

Kebawah DYMM mengundang Tuan Yang Terutama Presiden Persekutuan Jerman untuk mengadakan Lawatan Negara ke NBD.

KEBAWAH DYMM MULAKAN KEBERANGKATAN RASMI

BERLIN, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN, Isnin, 18 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memulakan Keberangkatan Rasmi ke Republik Persekutuan Jerman, hari ini.

Keberangkatan tersebut dimulakan dengan Majlis Perjumpaan dengan Presiden Persekutuan Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier yang diadakan di Villa Borsig di Berlin.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di pekarangan Villa Borsig dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier.

Sebelum majlis bermula, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung untuk menandatangani Buku Pelawat, diikuti dengan sesi bergambar bersama Tuan Yang Terutama. Sejurus selepas itu, Kebawah DYMM seterusnya berangkat bersama TYT Presiden Republik Persekutuan Jerman bagi Perjumpaan Tête-à-Tête.

Kebawah DYMM menzahirkan penghargaan atas kerjasama yang telah lama terjalin dengan Republik

Persekutuan Jerman yang menjangkau lebih 40 tahun. Kebawah DYMM dan TYT berbincang untuk mengesahkan semula persahabatan dan kerjasama yang telah lama terjalin antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Persekutuan Jerman.

Kedua-dua pemimpin mengalu-alukan perkembangan berterusan dalam hubungan dua hala dan menyatakan kerjasama yang semakin berkembang dalam pelbagai bidang. Mengenai isu-isu serantau, baginda bertitah mengalu-alukan Ulang Tahun Hubungan ASEAN-EU Ke-50 pada tahun 2027.

Setelah selesai Perjumpaan Tête-à-Tête, Kebawah DYMM disembahkan kepada delegasi Republik Persekutuan Jerman dan TYT Presiden Republik Persekutuan Jerman diperkenalkan kepada delegasi NBD.



KEBERANGKATAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dialu-alukan oleh Presiden Persekutuan Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Frank-Walter Steinmeier (kanan).



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka anakanda baginda berkenan bergambar bersama Tuan Yang Terutama Presiden Persekutuan Republik Persekutuan Jerman (kiri). Manakala gambar atas, baginda berkenan menandatangani Buku Pelawat.

NBD - REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN TERUS MEMPERTINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA PELBAGAI BIDANG



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Federal Minister for Foreign Affairs of Germany, Tuan Yang Terutama Dr. Johann Wadephul yang diadakan di Berlin.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Sahrizal Haji Said

BERLIN, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN, Isnin, 18 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Federal Minister for Foreign Affairs of Germany, Tuan Yang Terutama Dr. Johann Wadephul.

Majlis Mengadap berkenaan diadakan di Berlin.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengongsikan bahawa selaku Penyelaras Negara

semasa bagi Hubungan Dialog ASEAN-EU, Negara Brunei Darussalam (NBD) sedang mempertimbangkan secara positif permohonan Republik Persekutuan Jerman untuk menjadi Rakan Dialog Sektor ASEAN.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menzahirkan rasa sukacita bahawa NBD telah menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Peringkat Menteri ASEAN-EU Ke-25 pada bulan lalu, yang telah memperkukuh hala tuju strategik kerjasama berkenaan.

Baginda turut berharap agar Republik Persekutuan Jerman akan terus menyokong usaha ASEAN dalam memajukan agenda iklim, khususnya melalui Pusat Perubahan Iklim ASEAN.

Kebawah DYMM dan Tuan Yang Terutama kemudian membincangkan perkara-perkara berkepentingan bersama serta berharap untuk terus mempertingkatkan hubungan dua hala antara NBD dan Republik Persekutuan Jerman, termasuk dalam bidang keselamatan, pertahanan, pendidikan, tenaga, pertanian dan teknologi maklumat.

HALUAN

>> Muka 2

Usaha ini menunjukkan bahawa asas kukuh untuk Perniagaan Inklusif telah wujud di NBD. Walau bagaimanapun, apa yang diperlukan sekarang bukan sekadar peningkatan dalam inisiatif, tetapi penyelarasan yang lebih kukuh, rangka kerja yang lebih jelas dan kerjasama yang lebih mendalam di kalangan pihak berkepentingan.

Perniagaan Inklusif tidak boleh didorong oleh satu institusi sahaja, ia memerlukan pendekatan seluruh negara. Agensi kerajaan memainkan peranan penting dalam mewujudkan dasar yang membolehkan dan sistem sokongan. Sektor swasta memacu inovasi, pelaburan dan penyelesaian berasaskan pasaran. Organisasi masyarakat sivil boleh menyumbang pengetahuan komuniti dan kepakaran impak sosial. Rakan kongsi pembangunan menawarkan panduan teknikal dan amalan terbaik global. Di tengah-tengah ekosistem ini adalah komuniti itu sendiri.

Atas sebab ini, kerjasama daripada semua pihak berkepentingan yang berkaitan adalah penting. Ia memberi inspirasi untuk mempertingkatkan pelbagai kemungkinan dan bidang, untuk kerjasama yang boleh kita

terokai bersama. Kejayaan kajian landskap negara ini bergantung kepada penyertaan aktif awda melalui, perkongsian data dan pandangan, mengenal pasti cabaran dan peluang, menyumbang pengalaman praktikal dan menyokong pelaksanaan pengesyoran. Kajian ini bertujuan untuk menyediakan alat strategik untuk membimbing tindakan negara.

Melalui kerjasama dengan UNESCAP ini, NBD menasarkankan untuk mendapat pemahaman yang lebih jelas tentang landskap Perniagaan Inklusif semasa, mengenal pasti jurang dan peluang untuk pertumbuhan, memperkukuh dasar dan rangka kerja institusi, meningkatkan penyelarasan dalam kalangan pihak berkepentingan dan membolehkan perniagaan mengembangkan model perniagaan inklusif secara mampan.

UNESCAP menyokong kerajaan di seluruh ASEAN dalam mereka bentuk dasar, memupuk perkongsian, dan mewujudkan persekitaran yang membolehkan pembangunan Perniagaan Inklusif. Melalui penyertaan dalam inisiatif ini, NBD meletakkan dirinya bersama Negara Anggota ASEAN yang lain dalam memajukan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan.

Inti inisiatif ini terletak pada prinsip yang mudah tetapi

bermakna *no one should be left behind*. Prinsip ini membimbing agenda pembangunan negara kita dan mencerminkan tanggungjawab kita bersama untuk memastikan bahawa pertumbuhan ekonomi memberi manfaat kepada semua rakyat, peluang mencapai setiap komuniti, kumpulan terdedah disokong dan kesepaduan sosial diperkukuh.

Mencapai visi ini memerlukan pendekatan seluruh negara. Ia memerlukan kerjasama merentas sektor, institusi dan komuniti dan untuk kita semua bekerjasama sebagai rakan kongsi yang komited dalam membina masa depan yang inklusif dan mampan.

Oleh itu, Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua pihak berkepentingan yang hadir hari ini untuk menyokong penuh inisiatif ini. Kerjasama awda adalah penting untuk membina pemahaman menyeluruh tentang landskap semasa, mengenal pasti penyelesaian praktikal dan boleh dilaksanakan memperkukuh perkongsian merentas sektor dan menterjemah penemuan kepada tindakan yang penuh bermakna.

Bersama-sama, kita boleh mewujudkan persekitaran yang membolehkan Perniagaan Inklusif berkembang maju. Bersama-sama, kita dapat memperkukuh usaha

pembangunan negara kita. Dan bersama-sama, kita boleh memastikan bahawa faedah kemajuan dikongsi oleh semua.

Sebagai penutup, Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada UNESCAP atas perkongsian dan sokongan berterusan kepada NBD. Beliau juga merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua pihak berkepentingan atas penyertaan mereka dalam inisiatif penting ini.

Beliau terus berharap dengan pertumbuhan perkongsian merentas sektor yang semakin meningkat, akan terus mengukuhkan misi bersama kita untuk meningkatkan komuniti, menggalakkan mata pencarian inklusif dan memastikan manfaat pembangunan dikongsi oleh semua.

Marilah kita merebut peluang ini untuk bekerja secara kolaboratif dan berfikir secara strategik dalam memajukan Perniagaan Inklusif sebagai pemacu utama pembangunan mampan dan inklusif di NBD. Semoga usaha kolektif kita memberi sumbangan yang bermakna ke arah pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Dalam merenungkan tanggungjawab kolektif kita, beliau ingin berkongsi refleksi yang diilhamkan oleh ajaran Imam Al-Ghazali, yang

menggunakan analogi tubuh manusia untuk menggambarkan masyarakat yang berfungsi. Beliau mengingatkan kita bahawa sama seperti setiap organ mempunyai peranan dan tanggungjawabnya masing-masing, kekuatan dan kesejahteraan keseluruhannya bergantung kepada keharmonian, kerjasama dan saling menjaga antara bahagiannya. Dengan cara yang sama, membina ekosistem perniagaan yang inklusif memerlukan setiap sektor termasuk kerajaan, sektor swasta, masyarakat sivil dan komuniti kita untuk bekerjasama dalam perpaduan, belas kasih dan tujuan bersama.

Apabila kita menyokong antara satu sama lain dan memastikan tiada siapa yang ketinggalan, kita mengukuhkan daya tahan negara kita secara keseluruhan. Semangat tanggungjawab kolektif ini mencerminkan aspirasi kita untuk membangunkan NBD bukan sahaja sebagai ekonomi yang makmur dan mampan, tetapi juga sebagai sebuah negara Negara Zikir yang sebenar berpandukan kepercayaan, nilai dan saling menjaga, di mana pembangunan dijalankan dengan izin dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Sekian, *Wabillahir Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

ACCC MEMPERKUKUH KERJASAMA SERANTAU NEGARA ANGGOTA ASEAN, ORGANISASI ANTARABANGSA

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Mei. - Pada menjunjung titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri (JPM) melalui Pejabat Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam memaklumkan bahawa, pada menjunjung kurnia Instrumen Kuasa Penuh daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul

Rashid, selaku wakil Negara Brunei Darussalam (NBD) kepada ASEAN Ministerial Meeting on Environment (AMME) telah menandatangani Instrumen Ratifikasi bagi meratifikasi Perjanjian Penubuhan Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ASEAN Centre for Climate Change - ACCC).

ACCC merupakan inisiatif rantau ASEAN bagi penubuhan sebuah pusat perubahan iklim yang akan berpusat di NBD, yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama serantau antara Negara-negara Anggota ASEAN dan organisasi antarabangsa serta untuk menerbitkan cadangan dasar untuk menangani perubahan iklim dengan lebih baik.

Pusat berkenaan akan menyumbang kepada sebuah

rantau ASEAN yang lebih bersepadu dan berkesan dalam menangani perubahan iklim bersama rakan-rakan antarabangsa, di samping menyokong matlamat perubahan iklim Negara-negara Anggota ASEAN masing-masing, dalam sama-sama mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan meningkatkan kedayatahan serantau terhadap impak negatif perubahan iklim pada masa hadapan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan telah menandatangani Perjanjian Penubuhan berkenaan pada 23 Ogos 2023 di samping mesyuarat ASEAN Ministerial Meeting on Environment yang Ke-17 di Vientiane, Republik Demokratik Rakyat Lao. Seterusnya pada 10 Februari 2025, perjanjian berkenaan juga ditandatangani oleh

10 Negara Anggota ASEAN.

Dalam usaha NBD untuk meratifikasi perjanjian berkenaan, Instrumen Ratifikasi yang telah ditandatangani Yang Berhormat Menteri Pembangunan pada 20 April 2026 dan diserahkan kepada Sekretariat ASEAN sebagai langkah terakhir. Pada masa ini, perjanjian berkenaan dalam proses ratifikasi oleh Negara-negara Anggota ASEAN yang lain, yang mana setelah genap 60 hari selepas Negara Anggota ASEAN yang keenam menyerahkan Instrumen Ratifikasi kepada Sekretariat ASEAN, perjanjian berkenaan akan berkuat kuasa sekali gus membolehkan pusat berkenaan ditubuhkan sepenuhnya.

Penandatanganan Instrumen Ratifikasi berkenaan menandakan komitmen NBD selaku tuan rumah dalam melaksanakan dan

menyokong penubuhan ACCC serta bagi persiapan dalam menubuhkan Rang Undang-undang Pelaksanaan untuk memberikan keistimewaan dan kekebalan kepada ACCC serta autonomi yang setaraf dengan kemudahan yang diberikan kepada misi-misi diplomatik di NBD.

Bagi menyokong pusat berkenaan, NBD telah menyumbangkan sebanyak USD1.5 juta untuk menampung operasi pusat tersebut selama tiga tahun pertama selepas penubuhannya. Majlis Kebangsaan Perubahan Iklim NBD, Pejabat Perubahan Iklim NBD akan terus memainkan peranan utama dalam menyokong penubuhan ACCC dan seterusnya menyeru Negara-negara Anggota ASEAN yang lain untuk meratifikasi Perjanjian Penubuhan ACCC.

Memperkukuh kerjasama bidang pendidikan, inovasi serta pembangunan modal insan

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Mei. - Muara Port Company Sdn. Bhd. (MPC) dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) secara rasmi telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) sebagai langkah strategik untuk memperkukuh kerjasama dalam bidang pendidikan, penyelidikan, inovasi serta pembangunan modal insan dengan tumpuan khusus kepada logistik halal dan integriti rantaian bekalan di Negara Brunei Darussalam.

Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal menandatangani MoU berkenaan bagi pihak universiti, manakala Ketua Pegawai Eksekutif MPC, Wei Jinfeng pula menandatangani bagi pihak MPC.

MoU berkenaan turut disaksikan oleh Ketua Pegawai Operasi MPC, Awang Mohd. Fazilah bin Haji Mohd. Yassin; serta Pemangku Pendaftar UNISSA, Awang Haji Mohamad Samari bin Haji Mohamad Noh.

Sementara itu, Rektor UNISSA dalam ucapan alu-aluannya menyatakan melalui kerjasama berkenaan, pelbagai inisiatif akan dilaksanakan termasuk penempatan pelajar, penyelidikan bersama, latihan profesional serta pertukaran ilmu pengetahuan.

Jelasnya lagi, usaha berkenaan bertujuan memastikan program akademik sentiasa selaras dengan keperluan industri semasa sekali gus melahirkan graduan yang berkualiti, berkemahiran dan

mampu memberi impak kepada pembangunan negara.

Rektor UNISSA juga menyatakan, kerjasama berkenaan turut memanfaatkan kepakaran fakulti dalam tadbir urus halal dan penyelidikan guna untuk memperkukuh jaminan rantaian bekalan halal.

Langkah berkenaan tambahnya, secara tidak langsung akan meningkatkan lagi kedudukan NBD sebagai hab logistik halal dan perdagangan yang diyakini di peringkat serantau dan antarabangsa.

Dalam pada itu, jelasnya lagi, kerjasama berkenaan juga membuka peluang bermakna kepada para pelajar daripada Fakulti Undang-undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah untuk memperoleh pendedahan praktikal melalui program latihan industri serta penglibatan secara langsung bersama MPC.

Rektor UNISSA seterusnya berkata, peluang berkenaan dijangka dapat memperkukuh kemahiran dan kompetensi pelajar dalam bidang undang-undang maritim, pematuhan peraturan, tadbir urus korporat serta rangka kerja logistik global yang kini semakin penting dalam landskap ekonomi moden yang saling berhubung.

Mengakhiri ucapan, Rektor UNISSA berharap melalui kerjasama berkenaan, kedua-dua institusi akan memacu pembentukan ekosistem logistik yang lebih berdaya tahan, progresif

dan mematuhi prinsip Syariah dalam menyokong agenda kepelbagaian ekonomi NBD.

Kerjasama strategik berkenaan menandakan satu pencapaian penting ke arah memperkukuh logistik halal dan integriti rantaian bekalan di NBD, selaras dengan agenda kepelbagaian ekonomi negara di bawah Wawasan Brunei 2035.

Melalui Fakulti Sains Halal dan Pelancongan Mampan, UNISSA akan bekerjasama dengan MPC dalam memperkembangkan penyelesaian industri dan akademik khususnya dalam operasi pelabuhan, kebolehesanan halal serta pengurusan rantaian sejuk. Gabungan pengalaman operasi global MPC bersama kepakaran akademik UNISSA dalam tadbir urus halal dijangka mampu memperkukuh jaminan rantaian bekalan serta mengukuhkan kedudukan NBD sebagai hab perdagangan serantau yang diyakini.

Kerjasama berkenaan turut mencerminkan komitmen bersama dalam memupuk inovasi, memperkukuh hubungan antara industri dan akademik serta menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi dan bersedia menghadapi cabaran masa depan.

Selain memberi manfaat jangka panjang kepada kedua-dua institusi, kerjasama berkenaan juga diharap dapat menyokong aspirasi negara dalam bidang pendidikan, kemajuan industri dan pertumbuhan ekonomi mampan.



REKTOR UNISSA menandatangani MoU berkenaan bagi pihak universiti, manakala Ketua Pegawai Eksekutif MPC, Wei Jinfeng pula menandatangani bagi pihak MPC.

Beberapa perkhidmatan Pusat Kesihatan PAPHMWHB alami gangguan bekalan elektrik

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Mei. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa beberapa perkhidmatan di Pusat Kesihatan Pengiran Anak Puteri Hajah Muta-Wakillah Hayatul Bolkiah (PAPHMWHB), Gadong mengalami gangguan sementara pada hari ini berikutan isu bekalan elektrik yang tidak stabil di bangunan berkenaan.

Pada masa ini, pemantauan dan kerja-kerja penyelenggaraan sedang dilaksanakan dan buat sementara waktu, pengatur perkhidmatan adalah seperti berikut, iaitu Perkhidmatan Penjagaan Asasi, perjumpaan bersama doktor dialihkan sementara ke Berakas bagi sesi sebelah pagi; manakala Perkhidmatan Farmasi pula adalah beroperasi seperti biasa.

Bagi Perkhidmatan Kesihatan Ibu, sesi *ultrasound* masih diteruskan seperti biasa; manakala Perkhidmatan Dietetik ditutup sementara dan pelanggan yang mempunyai perjanjian pada hari ini akan diberikan tarikh baharu.

Manakala Perkhidmatan Psikologi pula, semua pesakit dijadualkan semula ke Ong Sum Ping; sementara Perkhidmatan Klinik Kesihatan Kanak-kanak adalah beroperasi seperti biasa. Bagi Perkhidmatan Pergigian pula, iaitu bagi kes-kes kecemasan akan dilihat dan dirujuk ke Pusat Pergigian Negara (NDC), manakala kes tidak kecemasan akan ditangguhkan.

Sehubungan itu, perkhidmatan-perkhidmatan yang terjejas berkenaan dijangka akan kembali beroperasi sepenuhnya pada sebelah petang hari ini.

Kementerian Kesihatan memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi dan menghargai kerjasama serta kefahaman orang ramai mengenai perkara berkenaan.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Talian Darussalam 123 atau layari laman sesawang www.moh.gov.bn atau mengikuti media sosial Kementerian Kesihatan @mohbrunei.



REKTOR UNISSA dan Ketua Pegawai Eksekutif MPC semasa sesi bergambar ramai.

MEMPERKASA, MEMPERKUKUH KEHAKIMAN SYARIAH



YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie ketika berucap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Mei. - 25 tahun merupakan satu tempoh yang sarat dengan pengalaman, cabaran dan pencapaian. Mahkamah Syariah memainkan peranan penting dalam menegakkan keadilan berlandaskan hukum syarak serta peruntukkan undang-undang yang berkuat kuasa.

Sepanjang tempoh tersebut, pelbagai usaha penambahbaikan telah dilaksanakan termasuk penetapan kehakiman melalui pelbagai Akta/Perintah mahupun

undang-undang prosedur dan aturan-aturan yang dikuatkuasakan.

Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar menyatakan demikian pada Majlis Perasmian Hari Terbuka Mahkamah-mahkamah Syariah 2026 sempena Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Penubuhan Mahkamah-mahkamah Syariah yang berlangsung di Bangunan Mahkamah Besar dan Mahkamah-mahkamah Syariah, di sini.

Terdahulu Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie menjelaskan bahawa penubuhan mahkamah ini adalah manifestasi kepada hasrat dan wawasan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Sebagaimana yang dizahirkan melalui titah baginda pada 15 Julai 1996 di Balai Singgahsana Istana Nurul Iman, bersempena Sambutan Hari Keputeraan baginda Ke-50 Tahun, "Dengan rasa keimanan yang bulat terhadap peraturan dan undang-undang Allah, maka beta telah memperkenankan penubuhan Mahkamah-mahkamah

Syariah sehingga ke tahap yang setinggi-tingginya bagi menangani bukan sahaja pentadbiran undang-undang keluarga, malahan juga di ketika yang sesuai dan munasabah akan juga mengendalikan Qanun Jina'i yakni Islamic Criminal Act selengkapnya sebagaimana yang dituntut oleh Allah Subhanahu Wata'ala".

Melangkah ke hadapan, jelas Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie, menjunjung titah berkenaan, Akta Mahkamah-mahkamah Syariah, Penggal 184 telah diwartakan dengan penubuhan Mahkamah-mahkamah Syariah yang terdiri dari Mahkamah Rayuan Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah Syariah yang memberikan bidang kuasa yang bukan hanya setakat membicarakan dan memutuskan kes-kes yang berkaitan dengan *mal* dan jenayah, bahkan bidang kuasa telah diperluaskan dalam perkara rayuan dan juga semakan.

"Dengan bertambahnya bidang kuasa yang diperluaskan dan dipertingkatkan terutama setelah berkuat kuasanya Kanun Hukuman Jenayah Syariah, Penggal 275 dan Akta Kanun Peraturan Jenayah Mahkamah Syariah, Penggal 224 yang diamanahkan untuk dilaksanakan di Mahkamah Syariah telah menjadikan Mahkamah Syariah tumpuan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

dan perhatian pengamal undang-undang bukan saja daripada kehakiman nusantara akan tetapi pengamal undang-undang antarabangsa mahupun para diplomat asing," terang Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.

Walau bagaimanapun, tambah Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie, segala cabaran yang mendatang telah dapat ditangani dengan berkesan melalui pemahaman, pendedahan, pendekatan strategik, persiapan yang proaktif dan kerjasama yang kuat secara berhemah dan harmoni.

Kongsi Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie, pelbagai cabaran ini telah menjadi dorongan kepada Mahkamah Syariah dalam memperkasa dan memperkukuh kehakiman Syariah melalui sumber tenaga manusia dikalangan Hakim-Hakim dan Pendaftar yang berpengetahuan dan berpengalaman melalui latihan dari dalam dan keluar negara.


"Selain daripada itu, Mahkamah Syariah juga memperkukuhkan dan memperkasakan perkhidmatan dan pengurusan kes serta penerapan teknologi digital dalam menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti.

"Segala transformasi ini bertujuan memastikan keadilan syariah dapat disampaikan secara lebih cekap, telus dan berintegriti dengan kolaborasi lingkungan ekosistem kehakiman Syariah yang terdiri daripada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan dalam rangkaian proses kerja dan perkhidmatan secara mampan," ujar Yang Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie.

Menurut Yang Amat Arif / Yang Berhormat lagi, hasil jalinan kerjasama Mahkamah Syariah bersama agensi-agensi ini mencerminkan komitmen dalam memperkukuh tadbir urus dan memastikan prinsip keadilan, ihsan dan masalah umah sentiasa terpelihara selaras dengan falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Selaras dengan Tema Hari Terbuka pada hari ini, kongsi Yang Amat Arif / Yang Berhormat iaitu '25 Tahun Pemeraksanaan Mahkamah-mahkamah Syariah' maka adalah diharapkan Mahkamah Syariah ini akan dilaksanakan secara berterusan dan bersepadu dari semua pihak khasnya agensi-agensi kerajaan mahupun orang ramai, dengan itu negara kita akan menjadi sebuah negara *Baldatun Thayyibatun Warabbun Ghafur*.

Hari Terbuka bersempena Jubli Perak 25 Tahun Mahkamah-mahkamah



YANG Amat Arif / Yang Berhormat Ketua Hakim Syarie hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan majlis tersebut (kanan dan atas).

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Mei. - Mahkamah-mahkamah Syariah Negara Brunei Darussalam (NBD) menganjurkan Hari Terbuka bersempena Sambutan Jubli Perak 25 Tahun penubuhannya dengan tema '25 Tahun Pemeraksanaan Mahkamah-mahkamah Syariah'.

Acara tersebut berlangsung



SEKITAR majlis tersebut yang diadakan di Ruang Legar, Ibu Pejabat Bangunan Mahkamah Besar dan Mahkamah-mahkamah Syariah (atas dan kanan).

selama dua hari bermula hari ini bertempat di Ruang Legar, Ibu Pejabat Bangunan Mahkamah Besar dan Mahkamah-mahkamah Syariah, di sini.

Hadir bagi merasmikan Hari Terbuka Mahkamah Syariah 2026 ialah Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif / Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Salim bin Haji Besar yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat telah melancarkan Buku Sambutan Jubli Perak 25 Tahun Penubuhan Mahkamah-mahkamah Syariah.

Hari Terbuka Mahkamah Syariah 2026 dibukakan buat kunjungan orang ramai bermula hari ini dari pukul 1.30 petang hingga 4.30 petang dan Rabu, 20 Mei 2026 dari pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan pukul 1.30 petang hingga 4.30 petang.

Sehubungan itu, orang ramai adalah dijemput hadir dan berpeluang untuk memeriahkan acara itu dan mengambil manfaat daripada pelbagai pengisian yang

telah disediakan.

Penganjuran Hari Terbuka Mahkamah Syariah 2026 itu merupakan satu inisiatif signifikan dalam mendekatkan institusi kehakiman syariah dengan masyarakat, di samping menzahirkan evolusi, pencapaian dan perkembangan Mahkamah-mahkamah Syariah sepanjang 25 tahun dalam memperkukuh sistem keadilan syariah di negara ini.

Pelbagai aktiviti menarik dan berinformasi diadakan sepanjang Hari Terbuka tersebut, antaranya pameran interaktif sesi penerangan mengenai bidang kuasa dan perkhidmatan mahkamah, klinik perkhidmatan, tinjauan ke dewan percabaran.

Selain itu, Hari Terbuka turut melibatkan pelbagai agensi kerajaan lain yang berkepentingan seperti Jabatan Tanah, Unit Pendaftaran Waris Mahkamah Besar Sivil (Probet), Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga, Jabatanarah Agama ABDB, Bahagian Penguatkuasa Ugama, Bahagian Pendakwaan Syarie, Jabatan Ukur, Jabatan Penjara, Kementerian Kesihatan, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan.

Kesemua agensi berkenaan mempunyai peranan yang signifikan bagi sama-sama mendukung ekosistem keadilan syariah negara. Selain itu, turut diselitkan juga peraduan kuiz buat para pengunjung dan berpeluang untuk memenangi hadiah kuiz yang eksklusif daripada Mahkamah Syariah.

Juga turut diundang bagi memeriahkan lagi suasana Hari Terbuka Mahkamah Syariah 2026 ialah penyertaan beberapa buah syarikat peniaga makanan dan minuman tempatan yang kebanyakannya terdiri daripada usahawan yang berdaftar di bawah naungan Program Pengupayaan



Asnaf Zakat (PROPZ).

Inisiatif itu dilaksanakan sebagai usaha pihak mahkamah dalam menyokong serta memperkasa perkembangan perniagaan tempatan dan usahawan perusahaan kecil dan sederhana.

Penyertaan tersebut diharap dapat membuka peluang mempromosi dan memperluaskan lagi jaringan perniagaan serta meningkatkan keterlibatan produk mereka kepada orang ramai.

Menerusi penganjuran Hari Terbuka Mahkamah Syariah 2026

itu, orang ramai berpeluang untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam mengenai fungsi, peranan serta transformasi Mahkamah-mahkamah Syariah dalam memastikan penyampaian keadilan yang telus, cekap dan berintegriti.

Bukan itu sahaja, bahkan program berkenaan juga mencerminkan komitmen berterusan dalam memperkasa sistem perundangan syariah selaras dengan keperluan semasa dan aspirasi negara.



WARISAN BUDAYA CERMIN IDENTITI, TAMADUN MASYARAKAT



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya merasmikan pelancaran majlis tersebut (kiri dan kiri sekali).

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Mei. - Jabatan Muzium-Muzium (JMM) melalui Bahagian Pemeliharaan dan Pembaikan hari ini melancarkan Pameran Konservasi : Warisan Terpelihara sempena Sambutan Hari Muzium Antarabangsa yang diraikan setiap 18 Mei, di Galeri Seni, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, di ibu negara.

Majlis pelancaran dirasmikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Suyoi bin Haji Osman selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Duta-duta dan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi



luar negara ke Negara Brunei Darussalam, Ahli-ahli MMN, ketua-ketua jabatan, pegawai kanan kerajaan serta warga JMM.

Dalam ucapan alu-aluannya, Pemangku Pengarah Muzium-muzium selaku Pengerusi Majlis, Pengiran Haji Rosli bin Pengiran Haji Halus antara lain menyentuh mengenai kepentingan warisan budaya sebagai agen penyatupaduan yang mencerminkan identiti serta tamadun masyarakat.

Setiap usaha memelihara artefak merupakan sebahagian daripada pemeliharaan naratif dan sejarah bangsa.

Usaha tersebut bukan hanya tanggungjawab muzium semata-

mata, malah merupakan amanah bersama untuk memastikan generasi akan datang terus dapat mengenali dan memahami jati diri melalui warisan yang dipelihara.

Selaras dengan misi jabatan untuk melindungi dan memelihara warisan tamadun negara demi menggalakkan pendidikan serta merangsang minat, rasa cinta dan penghargaan terhadap warisan tamadun negara, pameran tersebut bertujuan bagi memperkenalkan kepada orang ramai tentang pentingnya pemeliharaan bahan koleksi muzium sebagai khazanah warisan budaya negara.

Pameran berkenaan menegakkan peranan JMM sebagai institusi yang bertanggungjawab memelihara, memulihara serta memastikan keselamatan koleksi warisan negara.

Pemeliharaan merupakan antara pendekatan utama JMM dalam memupuk perpaduan dengan menyatukan masyarakat melalui usaha bersama dalam menjaga warisan budaya dan alam

semula jadi yang dikongsi bersama.

Dengan tema Hari Muzium Antarabangsa tahun ini, 'Museums Uniting a Divided World', pendekatan tersebut menggalakkan kerjasama antarabangsa dan meningkatkan kefahaman serta menekankan bahawa ikhtiar usaha pemeliharaan warisan bukan sahaja menjadi tanggungjawab muzium, malah merupakan usaha bersama dalam menjaga warisan sejarah.

Selain mengekalkan identiti, usaha pemeliharaan warisan budaya dan alam semula jadi juga berperanan menghubungkan komuniti serta memperkukuh rasa tanggungjawab bersama demi kepentingan generasi akan datang.

Pameran konservasi berkenaan dibukakan untuk kunjungan orang ramai selama sebulan dan 14 hari di Galeri Seni, Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja.

Selain pameran, beberapa taklimat dan aktiviti sampingan turut diadakan termasuk Taklimat Bersiri 'Warisan Terpelihara Kitani', demonstrasi pemeliharaan bahan koleksi organik dan *inorganic*, serta aktiviti jualan buku dan kuiz.

Taklimat bersiri tersebut menekankan usaha pemeliharaan khazanah budaya dan alam semula jadi, meliputi aspek pemeliharaan, penyelidikan serta cabaran yang dihadapi dalam usaha pemeliharaannya.

Ia merangkumi warisan fizikal dan tidak ketara termasuk bahan koleksi, tradisi budaya, spesimen, flora serta tapak bersejarah.

ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.

Doa Kesyukuran sempena memperingati WTISD 2026

MADANG, Isnin, 18 Mei. - Bersempena dengan memperingati Hari Telekomunikasi dan Masyarakat Berinformasi Sedunia (WTISD) 2026, Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) hari ini mengadakan Majlis Doa Kesyukuran, bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (Masjid SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang.

Hadir pada majlis berkenaan, Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Infokomunikasi) di MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; dan Pemangku Ketua Eksekutif AITI, Dayang Julianah binti Haji Ali Ahmad.

Tetamu jemputan yang lain terdiri daripada pegawai-pegawai kanan MTIC, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan AITI serta

wakil-wakil dari InfoCom Federation Brunei (IFB) dan penyedia-penyedia perkhidmatan telekomunikasi.

Majlis dimulakan dengan tazkirah yang disampaikan oleh Penolong Kaunselor Penjara, Awang Fariszal bin Ali, dan diteruskan dengan Sembahyang Sunat Hajat dan Fardu Asar Berjemaah.

Majlis diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Kesyukuran yang diketuai oleh Imam Masjid SSBRPAD, Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani.

WTISD disambut setiap tahun pada 17 Mei bagi memperingati Ulang Tahun Penandatanganan Konvensyen Telegraf Antarabangsa Pertama serta penubuhan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (International Telecommunication Union - ITU).

Sambutan berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penggunaan internet dan

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dalam pembangunan sosial dan ekonomi, di samping merapatkan jurang digital antara komuniti.

Sambutan tahun ini membawa tema 'Talian Hayat Digital :

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

Memperkukuh Daya Tahan dalam Dunia Terhubung' yang memberi tumpuan kepada pembangunan infrastruktur digital yang selamat,

kukuh dan mampan bagi menyokong keterhubungan serta ketahanan digital yang berterusan.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir pada Majlis Doa Kesyukuran yang berlangsung di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang.



Oleh : Aimi Sani

Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Mei. – Universiti Teknologi Brunei (UTB) hari ini menganjurkan UTB Energy Spectrum Symposium : Integrating Upstream, Downstream and Renewable Frontiers bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-40 universiti berkenaan di Teater Kuliah 2, Kompleks Perpustakaan, UTB.

Symposium berkenaan berfungsi sebagai platform pelbagai disiplin yang menyatukan ahli akademik, industri dan agensi kerajaan untuk memperkukuh kerjasama dalam memajukan penyelesaian tenaga hulu, hiliran dan boleh diperbaharui yang bersepadu bagi menyokong agenda peralihan tenaga dan aspirasi pembangunan mampan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Naib Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Dayang Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Naib Canselor UTB dalam ucapan pembukaannya,

mengesahkan semula komitmen UTB terhadap penyelidikan, inovasi dan perkongsian strategik yang memberi impak, menyumbang kepada kemajuan sektor tenaga dan pembangunan negara.

Kemuncak utama simposium berkenaan ialah perbincangan ahli panel mengenai tema simposium, iaitu 'Balancing Energy Security, Intergration, and Transition : Navigating Priorities and Trade-Offs' yang dikendalikan oleh Penolong Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UTB, Profesor Dr. Mohamed Hasnain Isa.

Ahli-ahli panel terdiri daripada wakil-wakil terkemuka akademik dan industri, termasuk Naib Presiden dan Pengerusi Shell Negara bagi Brunei Darussalam (NBD), Mr. Henry Bristol; Pengarah Urusan Petroleum Authority of Brunei Darussalam (PABD), Shamir Salahudin; Ketua Unit Tenaga Boleh Diperbaharui, Bahagian Peralihan Tenaga, Jabatan Tenaga, Jabatan Perdana

MEMPERKUKUH KERJASAMA DALAM MEMAJUKAN PENYELESAIAN TENAGA HULUAN, HILIRAN



NAIB Canselor UTB hadir selaku tetamu kehormat pada UTB Energy Spectrum Symposium: Integrating Upstream, Downstream and Renewable Frontiers (atas kiri). Manakala gambar atas, para ahli panel semasa sesi perbincangan tersebut.

Menteri, Dayang Siti Sarah binti Haji Yusop; Ketua Perkhidmatan Teknikal Brunei LNG Sendirian Berhad (Brunei LNG), Dr. Ingenieur Pascal Ifeacho; dan Dekan Pengajian Siswazah dan Penyelidikan, UTB, Dr. Sivakumar Manickam.

Perbincangan berkenaan tertumpu kepada isu-isu kritikal berkaitan integrasi sistem tenaga, laluan peralihan tenaga boleh diperbaharui, inovasi teknologi dan kerjasama rentas sektor yang bertujuan untuk memperkukuh daya tahan dan kemampanan tenaga NBD.

Symposium berkenaan juga menyaksikan pertukaran simbolik Perjanjian Penajaan antara UTB dan Shell Deepwater Borneo B.V., yang telah ditandatangani secara

rasmis pada 1 Mei 2026. Perjanjian berkenaan menandakan satu peristiwa penting dalam meningkatkan kerjasama antara kedua-dua belah pihak, terutamanya dalam memajukan penyelidikan, penglibatan industri dan pembangunan bakat melalui AI Machinery Lab di UTB.

Majlis pertukaran berkenaan melibatkan Naib Canselor UTB; Pengarah Urusan Shell Deepwater Borneo B.V., Dougal Grant; dan Naib Presiden dan Pengerusi Shell Negara bagi Brunei Darussalam (NBD).

Symposium berkenaan turut menampilkan beberapa siri pembentangan teknikal daripada pakar industri dan akademik yang merangkumi topik berkaitan sistem tenaga bersepadu, inovasi hulu, teknologi boleh diperbaharui, laluan penukaran karbon, dan penyelesaian kejuruteraan termaju.

Di samping itu, para peserta berpeluang untuk terlibat dalam pameran poster, perbincangan interaktif dan lawatan ke Sand Retention Innovation Lab (SRI), yang mempamerkan inisiatif penyelidikan berterusan dan kemajuan teknologi di UTB.

Symposium berkenaan mencerminkan komitmen berterusan UTB, terutamanya bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Ke-40, ke arah memupuk inovasi, memperkukuh perkongsian strategik dan menyumbang kepada kemajuan pembangunan tenaga lestari di NBD dan seterusnya.

ALAI PINTAR 173

SOALAN 20 MEI 2026, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan.

- Berapakah jumlah ayat dalam Surah An-Nas?
 - 6 ayat
 - 7 ayat
 - 8 ayat
- Sebuah lori membawa 120 kotak. Kotak itu diagihkan sama rata ke 8 kedai. Berapa kotak diterima setiap kedai?
 - 15
 - 17
 - 16
- Pilih ayat yang menggunakan kata tanya dengan betul.
 - Mengapa kamu menangis?
 - Bila kamu buku itu?
 - Siapa kamu pergi ke sekolah?

TARIKH TUTUP : 27 MEI 2026

HADIAH PEMENANG

- ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
- ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 172 :

Nama : Muhd. Iqmal Firdaus bin Abdullah
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0153485-01. Sekolah : Sekolah Rendah Kapok

Nama : Nur Aira Khalisha
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0141774-01. Sekolah : Sekolah St. Georgelait

Nama : Khairunnisa Asyifa binti Haji Md. Ashabani
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0134779-01. Sekolah : Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian +673 7293554 atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :
Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 172

- C - Untuk kesihatan dan kesejahteraan hidup
- C - Semua warga sekolah
- C - Mahal

PERSIAPAN SAMBUTAN HUT ABDB KE-65 DIPERKUKUH



SIDANG Media sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-65 diadakan di Bilik Alap-Alap, Markas Tentera Udara Diraja Brunei, Pangkalan Tentera Udara Rimba (atas kanan dan atas).

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

RIMBA, Selasa, 19 Mei. - Ke arah menyemarakkan dan mengetengahkan Sambutan Hari Ulang Tahun (HUT) Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-65 yang bakal berlangsung pada Ahad, 31 Mei 2026 ini, satu Sidang Media sempena sambutan berkenaan diadakan di Bilik Alap-Alap, Markas Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Pangkalan Tentera Udara Rimba, di sini.

Sesi dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Kapten (U) Haji Muhammad Syasuali bin Haji Abu Bakar dari Jabatanarah Agama ABDB (JAMA'AT).

Sesi Sidang Media diteruskan dengan penyampaian Keterangan Media mengenai Sambutan HUT ABDB Ke-65 oleh Jurucakap Kementerian Pertahanan, Leftenan Kolonel (U) Hasnul Alwe bin Haji Matassan.

Turut hadir pada sesi tersebut ialah Timbalan Pemerintah TUDB, Kolonel (U) Pengiran Hasrul Ariffin bin Pengiran Haji Rosley, selaku Pengerusi Tertinggi Sambutan HUT ABDB Ke-65 dan Ketua Urus Setia Sambutan HUT ABDB Ke-65, Leftenan Kolonel (U) Sherpor Nezambin Haji Ghapor. Sesi tersebut turut diselitkan dengan sesi soal jawab bersama pihak

media.

Sidang Media tersebut juga bertujuan untuk menjadi wadah pembarigaan maklumat rasmi kepada orang ramai mengenai acara-acara dan perisian yang telah dirancang sempena sambutan tersebut. Ia jua merupakan kesinambungan usaha pembarigaan susulan daripada Majlis Penyerahan Poster yang telah diadakan sebelum ini.

Antara perkara yang dikongsikan termasuk tempoh sambutan, waktu pembukaan kepada orang ramai, kawalan lalu lintas, lokasi kawasan letak kereta,

perkhidmatan bas ulang-alik, bazarjualan serta peringatan berkaitan keselamatan dan sekuriti.

Sesi turut diteruskan dengan Sesi Taklimat Koordinasi Media serta sesi *media walkthrough* ke setiap segmen atur cara bagi memastikan penyelarasan liputan media berjalan dengan lancar dan teratur di sepanjang hari kemuncak nanti.

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk berkunjung beramai-ramai bersama keluarga bagi memeriahkan lagi suasana sambutan itu nanti. Sebagai makluman tambahan, Upacara

Perbarisan Raksasa akan disiarkan secara langsung melalui saluran RTB Sukmaindra dan RTB Perdana, serta secara dalam talian melalui RTBGo Live, dan juga melalui siaran radio RTB Nasional dan RTB Pilihan.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini mengenai sambutan ini, termasuk kenyataan media yang telah disampaikan, orang ramai bolehlah mengikuti akaun media sosial rasmi Kementerian Pertahanan di Instagram @mindefbrunei dan melayari laman sesawang rasmi Kementerian Pertahanan di www.mindef.gov.bn.

Wanita tempatan ditahan bantu siasatan kes kematian mencurigakan

Oleh: Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Azmah Haji Ahad, Ihsan Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Selasa, 19 Mei. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) memaklumkan bahawa seorang wanita warga tempatan berumur 46 tahun telah ditahan bagi membantu siasatan berhubung kes kematian seorang lelaki penduduk tetap di Kampung Junjongan pada 15 Mei 2026.

Balai Polis Limau Manis menerima laporan mengenai kejadian tersebut kira-kira jam 8.10 pagi.

Demikian yang dinyatakan oleh Pemangku Pengarah, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), PPDB, Penolong Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Azree bin Haji Abd. Manaf / Munap semasa Sidang Media berhubung kes berkenaan yang berlangsung petang tadi di Pejabat JSJ.

Susulan laporan itu tegasnya, anggota dan pegawai daripada beberapa unit di bawah JSJ, termasuk Unit Siasatan Khas dan Unit Siasatan Tempat Kejadian, telah dikerahkan ke lokasi kejadian

bagi menjalankan siasatan lanjut.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati mangsa mengalami kecederaan yang mencurigakan sebelum dibawa ke Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk pemeriksaan lanjut dan bedah siasat.

"Laporan bedah siasat oleh pakar patologi serta penemuan bahan bukti kemudiannya mengesahkan bahawa punca kematian mangsa adalah mencurigakan," ujarnya.

Awang Haji Azree seterusnya menjelaskan, siasatan lanjut membawa kepada penahanan seorang wanita yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kejadian berkenaan. Difahamkan, suspek merupakan isteri kepada mangsa.

Tegasnya lagi, polis turut menemui sebatang tukul di tempat kejadian yang dipercayai digunakan dalam insiden

berkenaan.

Menurutnya lagi, suspek telah dihadapkan ke Mahkamah Majistret Bandar Seri Begawan dan permohonan reman selama 12 hari telah dibenarkan bagi membantu siasatan lanjut.

Dalam pada itu katanya, PPDB turut memohon kerjasama orang ramai untuk menyalurkan sebarang maklumat mengenai pergerakan seorang lelaki warga Republik Indonesia dikenali sebagai Bustari, 54 tahun, bagi membantu siasatan kes berkenaan dengan menghubungi Talian Kecemasan Polis 993 atau balai polis berhampiran.

Tambahnya, kes disiasat di bawah Seksyen 302 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, iaitu kesalahan bunuh yang membawa hukuman mati.

Juga hadir pada Sidang Media berkenaan, Pemangku Ketua Bahagian Jenayah Besar, JSJ, PPDB, Penguasa Polis Awang Haji Justin bin Haji Yacop.



GAMBAR mugshot menunjukkan suspek seorang wanita warganegara tempatan (kiri), manakala gambar kanan, menunjukkan senjata yang dipercayai digunakan oleh suspek.



PEMANGKU Pengarah, Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Penolong Pesuruhjaya Polis, Awang Haji Azree bin Haji Abd. Manaf / Munap semasa Sidang Media berhubung kes berkenaan yang berlangsung di Pejabat JSJ.

LUPA TOKEN PSCR 2.0?

CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961) atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan

سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Binatang Yang Haram Diburu Ketika Berihram

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

APABILA seseorang sudah mula berniat ihram haji atau umrah, maka bermula ke atasnya larangan-larangan yang wajib dipatuhinya ketika berihram. Salah satu larangan tersebut adalah berburu binatang.

Larangan berburu binatang buruan ketika dalam ihram itu termasuk perbuatan membunuh, menangkap, menjerat dan membinasakan bahagian-bahagiannya. Orang yang dalam ihram juga dilarang memakan binatang buruan, menitipkannya kepada orang lain, meminjamkannya daripada orang lain dan membantu orang lain untuk berburu.

Perkara ini berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

Tafsirnya : *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu membunuh binatang-binatang buruan (yang halal dimakan) ketika kamu sedang berihram.*

(Surah al-Ma'idah : 95)

Imam Ibn Katsir *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tafsir al-Qur'an al-'Azhim* menjelaskan bahawa ayat al-Qur'an di atas merupakan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tentang pengharaman membunuh binatang buruan dan larangan melakukan perbuatan berburu ketika berihram.

Menyentuh mengenai binatang buruan, timbul persoalan adakah semua binatang dilarang diburu ketika berihram atau hanya pada binatang-binatang tertentu sahaja? Berikut penjelasan mengenai ini.

Menurut para ulama tidak haram ke atas orang yang berihram berburu binatang laut seperti ikan dan lain-lain berdasarkan firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

Tafsirnya : *Dihalalkan bagi kamu binatang buruan laut dan makanan (yang berasal dari laut) sebagai makanan yang lazat bagi kamu dan juga bagi orang-orang yang dalam perjalanan.*

(Surah al-Ma'idah : 96)

Begitu juga tidak diharamkan ke atas orang yang berihram berburu binatang darat yang diternak dan boleh dimakan seperti sapi, kambing, unta, kuda dan binatang-binatang jinak yang lain termasuk ayam. Menurut Imam al-Mawardi *Rahimahullah*, itik yang tidak terbang tidak haram diburu kerana ia tidak termasuk dalam binatang buruan.

Selain itu, tidak diharamkan ke atas orang yang berihram memburu binatang yang tidak boleh dimakan. Contoh binatang-binatang yang tidak boleh dimakan adalah seperti berikut :

i. Binatang yang sunat dibunuh iaitu binatang yang menyakiti seperti ular, kala jengking, tikus, anjing yang menggigit (anjing liar), burung rajawali (*al-hida'ah*), burung gagak, serigala, singa, harimau, beruang dan helang (*al-'uqab*).

Diriwayatkan daripada Ibn 'Umar *Radhiallahu 'anhuma*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda :

Maksudnya : Lima dari binatang yang tidak berdosa ke atas orang yang berihram membunuhnya iaitu burung gagak, burung rajawali, kala jengking, tikus dan anjing yang menggigit (anjing gila).

(Hadits riwayat Muslim)

Menurut Imam al-Munawi *Rahimahullah* dalam kitab *Faidh al-Qadir* Syarah al-Jami'

ash-Shaghir, Imam asy-Syafi'i *Rahimahullah* menyamakan hukum (harus membunuh binatang-binatang yang disebut dalam hadits di atas) dengan semua binatang buas yang berbahaya dan menyerang.

ii. Binatang yang tidak sunat dibunuh kerana ada manfaatnya dan tidak makruh dibunuh kerana ada juga mudaratnya seperti harimau bintang (*al-fahd*) dan burung falkon (*ash-shaqr*). Kedua-dua binatang tersebut boleh digunakan untuk berburu.

iii. Binatang yang makruh dibunuh iaitu binatang yang tidak jelas manfaat atau mudaratnya seperti kumbang, burung hering (*ar-rakham*) dan anjing yang tidak menggigit (yang tidak gila).

Adapun binatang darat yang lahir hasil daripada kacukan binatang-binatang yang tidak diharamkan untuk diburu, maka ia juga tidak haram diburu ketika seseorang itu dalam ihram. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* ada menjelaskan gambaran binatang-binatang tersebut, iaitu :

i. Binatang darat yang lahir daripada kacukan dua binatang, salah satunya liar tidak boleh dimakan dan satu lagi jinak boleh dimakan. Sebagai contoh, kacukan serigala dengan biri-biri.

ii. Binatang darat yang lahir daripada kacukan dua binatang yang tidak boleh dimakan, salah satunya liar. Sebagai contoh, kacukan keldai peliharaan dengan serigala.

iii. Binatang darat yang lahir daripada kacukan dua binatang jinak, salah satunya tidak boleh dimakan. Sebagai contoh, kacukan keldai jantan peliharaan dengan kuda betina dan dari keduanya menghasilkan binatang disebut baghal.

Adapun binatang-binatang yang diharamkan diburu ketika seseorang itu berihram adalah binatang-binatang darat termasuk burung sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* :

Tafsirnya : *Dan diharamkan atas kamu memburu binatang buruan darat selama kamu berihram.*

(Surah al-Ma'idah : 96)

Binatang-binatang darat yang haram diburu itu pula ialah binatang darat liar yang boleh dimakan seperti kerbau liar atau binatang darat yang pada asalnya liar tetapi dijinakkan dan boleh dimakan seperti ayam mutiara (*dajaj al-habasyah* atau disebut juga guinea fowl).

Begitu juga haram memburu binatang-binatang yang lahir hasil kacukan dua binatang yang salah satu daripadanya binatang darat liar yang boleh dimakan. Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Hasyiah al-'Allamah Ibn Hajar al-Haitami 'ala Syarah al-Idhah fi Manasik al-Haj wal 'Umrah* menjelaskan perkara demikian dengan tiga gambaran, iaitu :

i. Binatang darat yang lahir daripada kacukan dua binatang darat liar, salah satunya boleh dimakan. Sebagai contoh, kacukan dubuk (boleh dimakan) dengan serigala.

ii. Binatang darat yang lahir daripada kacukan dua binatang darat yang boleh dimakan, salah satunya liar. Sebagai contoh, kacukan kijang liar dengan kambing.

iii. Binatang darat yang lahir daripada kacukan dua binatang, salah satunya liar yang boleh dimakan dan satu lagi jinak tetapi tidak boleh dimakan. Sebagai contoh

kacukan keldai liar (boleh dimakan) dengan keldai peliharaan.

Berdasarkan penjelasan di atas, dapat disimpulkan sebagaimana dinyatakan dalam kitab at-Taqrirat as-Sadidah fi al-Masa'il al-Mufidah, bahawa syarat-syarat binatang buruan yang dilarang diburu ketika berihram itu adalah :

1. Hendaklah ia binatang darat.
2. Hendaklah ia boleh dimakan.
3. Hendaklah ia liar.

Dam Bagi Kesalahan Memburu Binatang


Apabila seorang yang berihram berburu binatang buruan sama ada perburuannya itu dilakukan di tanah haram atau di luar tanah haram yang menyebabkan binatang buruan itu mati, maka dia dikenakan dam iaitu denda kerana dia telah melakukan larangan ketika dalam ihram. Jika dia tidak sengaja melakukan perburuan sehingga binatang itu mati disebabkan lupa atau jahil (tidak tahu hukum haram berburu ketika berihram), maka dia tidak berdosa, akan tetapi dia tetap diwajibkan membayar dam. Sekiranya binatang buruan yang mati itu adalah milik seseorang, maka selain membayar dam sebagai hak Allah Ta'ala, orang yang berihram itu juga wajib membayar ganti rugi (*dhaman*) kepada si pemilik dengan nilai harga binatang tersebut sebagai hak pemilikanya.

Membayar dam itu, sekiranya binatang buruan itu mempunyai bandingan yang hampir sama dengan binatang ternak (*al-an'eam*) dari segi rupa bentuk dan kejadian, sama ada ia disebut jelas dalam *nash* atau telah dihukumkan hampir serupa oleh dua orang sahabat atau dua orang yang adil daripada tabi'in atau selepas mereka daripada salaf atau yang dirujuk kepada dua orang adil yang faqih dan cerdik, maka dia wajib membayar dam *takhyir* dan *ta'dil* iaitu memilih antara dua berikut :

i. Menyembelih binatang mengikut binatang yang sebanding dengan binatang yang diburunya dan menyedekahkannya kepada orang miskin di tanah haram.

Sekiranya seseorang membunuh burung unta, maka damnya ialah menyembelih seekor unta. Sekiranya dia membunuh keldai liar atau lembu liar, maka damnya ialah menyembelih seekor lembu. Sekiranya dia membunuh dubuk, maka damnya ialah menyembelih seekor kambing biri-biri. Sekiranya dia membunuh seekor kijang, maka damnya ialah menyembelih seekor anak kambing berumur satu tahun. Sekiranya dia membunuh seekor arnab, maka damnya ialah menyembelih seekor anak kambing berumur empat bulan atau kurang setahun. Sekiranya dia membunuh merpati, maka damnya ialah menyembelih seekor kambing.

IMAM Ibn Katsir *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tafsir al-Qur'an al-'Azhim* menjelaskan bahawa ayat al-Qur'an di atas merupakan perintah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tentang pengharaman membunuh binatang buruan dan larangan melakukan perbuatan berburu ketika berihram. Menyentuh mengenai binatang buruan, timbul persoalan adakah semua binatang dilarang diburu ketika berihram atau hanya pada binatang-binatang tertentu sahaja?



IRSYAD HUKUM

جائز في كراچي
جان نوري كراچي والاعلام

Jabatan Mufti Kerajaan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Website : www.mufti.gov.bn
E-mail : fatwa@mufti.gov.bn - info@mufti.gov.bn

ii. Menentukan nilai harga binatang yang diburu dengan dirham atau dari matawang yang biasa digunakan dan kemudian memilih antara :

a. Membeli makanan kemudian menyedekahkannya kepada orang-orang miskin di tanah haram, iaitu Makkah atau Mina. Atau,

b. Berpuasa mengikut bilangan cupak makanan yang dapat dibeli daripada nilai harga binatang yang diburu. Satu cupak dikira satu hari berpuasa.

Sekiranya binatang buruan itu tidak mempunyai bandingan dengan binatang ternak (*الأنعام*) seperti belalang, maka binatang buruan wajib diganti dengan nilai harganya. Ukuran nilai harga pula adalah mengikut tempat terjadi perburuan jika ada nilai harga binatang tersebut di sana. Adapun jika tidak ada nilai harganya di sana, maka nilai harga tersebut adalah mengikut nilai harga di Makkah kerana tempat menyembelih binatang yang dijadikan dam itu adalah di Makkah.

Dalam keadaan mengganti dengan nilai harga ini, dia juga wajib membayar dam *takhyir* dan *ta'dil* iaitu memilih sama ada membeli makanan dan kemudian menyedekahkannya kepada orang-orang di tanah haram atau berpuasa mengikut bilangan cupak makanan yang dapat dibeli daripada nilai harga binatang yang diburu.

Adapun sekiranya binatang buruan yang diburu itu tidak mati, namun mengalami kecederaan lalu mengurangkan nilai binatang tersebut, maka wajib membayar ganti rugi. Termasuk juga membayar ganti rugi ini, jika dia merosakkan anggota binatang buruan termasuk mencukur bulu binatang tersebut kerana boleh memudaratkannya pada musim panas dan sejuk atau mengambil telur atau memerah susu binatang buruan tersebut. Membayar ganti rugi pula adalah dengan nilai harga kekurangan pada binatang tersebut kemudian membeli makanan dengannya dan menyedekahkannya kepada fakir miskin di tanah haram.

Demikian penjelasan mengenai binatang-binatang yang dilarang diburu ketika berihram.

MEMPERKASA WANITA DALAM KESELAMATAN SIBER

Siaran Akhbar dan Foto : Persatuan Keselamatan Siber Brunei



LADIES in Cyber 2026 : She Blooms - Growing Women in Cyber merupakan acara yang didedikasikan untuk memperkasakan wanita dalam keselamatan siber melalui pembelajaran praktikal, wawasan pakar dan penglibatan komuniti (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Mei. - Persatuan Keselamatan Siber Brunei (BCSA), dengan kerjasama Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) dan Women in Security serta sokongan daripada Keselamatan Siber Brunei (CSB), baru-baru ini menganjurkan Ladies in Cyber 2026 : She Blooms - Growing Women in Cyber, iaitu acara yang didedikasikan untuk memperkasakan wanita dalam keselamatan siber melalui pembelajaran praktikal, wawasan pakar dan penglibatan komuniti.

Acara yang berlangsung di Dewan Seri Kerna, AITI, berkenaan mengumpulkan wanita daripada pelbagai latar belakang, termasuk pelajar, profesional dan pendidik, yang disatukan oleh minat yang sama terhadap keselamatan siber.

Salah satu acara utama yang menjadi tarikan ialah Cabaran Capture The Flag (CTF), yang disertai oleh lebih 30 peserta.

Sesi ini memperkenalkan peserta kepada konsep keselamatan siber dunia sebenar melalui cabaran interaktif. Para peserta bekerjasama untuk menyelesaikan masalah, mengasah kemahiran teknikal, dan mendapatkan pengalaman secara langsung dalam persekitaran pembelajaran yang menyokong.

Cabaran CTF ini dibangunkan oleh wanita dalam bidang keselamatan siber, diketuai oleh Dayang Saedah binti Hasnal, bersama Dayang Noor Afiqah Maisarah binti Noor Azlin, pemenang Pertandingan CTF Ladies in Cyber 2025.

Pada akhir pertandingan, para peserta menyertai sesi

perkongsian, di mana penyelesaian dan perkara-perkara penting pembelajaran dibincangkan, bagi mengukuhkan pemahaman praktikal.

Ini diikuti dengan penyampaian hadiah bagi mengiktiraf peserta yang menunjukkan prestasi terbaik iaitu Dayang Siti Nur Hidayah binti Md. Dan yang menduduki tempat pertama, diikuti dengan Dayang Nur Farah Diyanah binti Haji Matnoor dan Dayang Nazir Najibah binti Ahamad yang menduduki tempat kedua dan ketiga.

Pada sebelah petang, lebih 30 peserta menghadiri Sesi Panel Perbincangan dan Latihan Meja (Tabletop Exercise - TTX), yang dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengurus Kanan, Unit Perundangan dan Penguatkuasaan, Kumpulan Perkhidmatan Korporat, AITI, Jasmine Wong.

Dalam ucapannya, Jasmine Wong menekankan bahawa keselamatan siber telah berkembang menjadi bidang pelbagai disiplin yang merangkumi dimensi perundangan, dasar, etika, dan kemasyarakatan.

Beliau menekankan kepentingan perspektif yang pelbagai, terutamanya sumbangan wanita, dalam menangani cabaran baharu seperti Kecerdasan Buatan, tadbir urus data, dan bahana dalam talian serta menggalakkan peserta untuk memanfaatkan kekuatan unik mereka dalam membentuk ekosistem digital yang berdaya tahan dan inklusif.

Perbincangan panel yang bertajuk 'Membina Wanita Sedia Masa Depan dalam Siber: Daripada Jurang Kemahiran



kepada Saluran Kepimpinan' menampilkan pembicara terkenal seperti Penganalisis Keselamatan untuk Tindak Balas Insiden, Pasukan Tindak Balas Kecemasan Komputer Brunei (BruCERT), CSB, Dayang Ida Frida binti Abu; Pengurus, Pejabat Perlindungan Data dan Kumpulan Antarabangsa, AITI, Dayang Rawadia Aryssa binti Rakawi; dan Pengurus Besar, Ketua Operasi IT, Imagine Sdn. Bhd., Dayangku Siti Aliyah binti Pengiran Haji Damit.

Manakala, hadir selaku moderator pula ialah Ketua Pembangunan, Innov8 Labs, Shenny Tang.

Panel ini meneroka topik-topik utama termasuk menangani jurang kemahiran keselamatan siber, membangunkan saluran bakat yang mampan dan memperkasakan lebih ramai wanita untuk mengambil peranan kepimpinan dalam industri.

Selepas perbincangan panel, para peserta menyertai latihan meja interaktif bertajuk 'CTRL + DEL + SCAM', yang dijalankan oleh BruCERT, CSB.

Bekerja dalam kumpulan, peserta bertindak balas terhadap insiden siber simulasi, mengukuhkan pemahaman mereka tentang kitaran hidup penipuan, meningkatkan keupayaan tindak balas insiden, dan menggalakkan kerja berpasukan dalam menangani ancaman siber dunia sebenar.

Acara diakhiri dengan ucapan penutup oleh Naib Presiden BCSA, Dayang Serina binti Haji Mohd. Ali.

Dalam ucapannya, beliau menyatakan bahawa program

berkenaan merupakan demonstrasi yang kuat tentang bagaimana wanita dalam keselamatan siber boleh bersama-sama belajar, berhubung, dan berkembang.

Acara tersebut juga menyediakan peluang rangkaian yang luas, membolehkan peserta berhubung, berkongsi

pengalaman, dan membina hubungan yang bermakna dalam komuniti keselamatan siber.

BCSA merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan kongsi, penaja, pembicara, fasilitator dan peserta atas sumbangan tidak ternilai mereka dalam menjayakan acara ini.

Bersama bantu meningkatkan bekalan darah

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Mei. - Pusat Pendermaan Darah di Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan akan mengadakan Kempen Derma Darah pada Selasa, 19 Mei 2026 bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.00 petang hingga 3.00 petang, bertempat di McDonald's Jerudong Park; sementara pada Rabu, 20 Mei 2026 bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.00 petang hingga 3.00 petang bertempat di McDonald's Lambak.

Manakala pada Khamis, 21 Mei 2026 bermula jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang, bertempat di Tingkat 5, Pavo Point, Bandar Seri Begawan anjuran AIA Brunei; dan seterusnya pada Sabtu, 23 Mei 2026, bermula jam 10.00 pagi hingga 2.00 petang, bertempat di Dewan Bandaran Kuala Belait anjuran Jabatan Bomba dan Penyelamat Brunei sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Ke-66 Tahun.

Oleh itu, orang ramai adalah diseru untuk menyertai kempen berkenaan sekali gus menderma darah bagi sama-sama membantu meningkatkan bekalan darah di negara ini.

Orang ramai juga dialu-alukan untuk datang terus ke Pusat Pendermaan Darah di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) untuk menderma darah pada hari-hari bekerja, bermula jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Tempahan slot derma darah melalui aplikasi Bloodkad bagi Kempen Derma Darah adalah sangat digalakkan.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAN ALLAH

كلولأن قوسمة دعوه اسلاميه

"**T**IADA suatu hari yang mana orang beramal soleh di dalamnya yang lebih disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala daripada hari-hari ini (1 hingga 10 Zulhijah). Sahabat bertanya : Walaupun jihad fi sabilillah, ya Rasulullah? Jawab Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam : Walaupun jihad fi sabilillah, kecuali jika seseorang keluar dengan membawa semua hartanya dan tidak kembali sama sekali (iaitu habis semua hartanya dan mati syahid)".

Hadis Al-Imam Al-Bukhari daripada Ibnu Abbas.

"Tiada hari yang lebih besar di sisi Allah

Menyambut rahmat yang datang : Zulhijah

Subhanahu Wata'ala dan lebih disukai untuk orang beramal di dalamnya melebihi dari 10 (1 hingga 10) Zulhijah kerana itu perbanyakkanlah olehmu bertahill, takbir dan tahmid".

Hadis Al-Imam Al-Bukhari daripada Ibnu Umar.

Sekarang kita berada pada awal bulan Zulhijah. Semua orang tahu bulan ini termasuk dalam bulan haji kerana terdapat dalam kalangan saudara dan sahabat kita sekarang sedang menunaikan ibadat haji di Tanah Suci. Bagi yang berada di tanah air pula, ada yang sedang menguruskan hajjat menyembelih binatang korban pada Aidiladha nanti. Secara khususnya, umat Islam sedang berusaha melaksanakan ibadat yang disyariatkan Islam. Begitulah kebesaran Allah

Subhanahu Wata'ala yang membuka peluang kepada semua hamba-Nya melakukan ibadat.

Puncak daripada bulan Zulhijah adalah pelaksanaan ibadah haji dan penyembelihan binatang korban pada Hari Raya Aidiladha. Ibadah haji menggambarkan persatuan umat Islam dari berbagai bangsa dan latar belakang yang berkumpul di satu tempat dengan tujuan yang sama memenuhi panggilan Allah Subhanahu Wata'ala.

Bulan Zulhijah selalu meninggalkan jejak yang bermakna bagi setiap Muslim bermula dari 10 hari awal pertamanya diikuti dengan hari-hari tasyrik iaitu mengajarkan kita pengorbanan yang mengingatkan pada keikhlasan kisah Nabi Ibrahim Alaihissalam dan Nabi Ismail Alaihissalam. Apabila Zulhijah menghampiri

di hujungnya, hati kita akan mengenang dan bermuhasabah iaitu, adakah hati dan jiwa kita menutup bulan ini dengan amal yang cukup dan hati yang bersih? Ini saat kita mengimbas diri mengenai dosa-dosa yang telah kita lakukan, keikhlasan apa yang belum sempurna dan apakah kita telah memanfaatkan 10 hari mulia itu sebaik-baiknya. Menutup Zulhijah dengan takwa bererti memperbaiki hubungan kita dengan Allah Subhanahu Wata'ala, memperbanyak sedekah, dan menebar kebaikan sebelum lembaran baru datang. Manfaatkan peluang yang ada ini untuk memperbaiki diri, meningkatkan amal ibadah, dan melangkah ke Tahun Baharu Hijrah dengan azam yang lebih kukuh serta keimanan yang lebih mantap.

PROGRAM KONGSI ILMU REALITI KEHIDUPAN BERUMAH TANGGA



PROGRAM Pra Perkahwinan Bersiri 2026 dihasratkan dapat menjadi platform yang bermanfaat dalam membantu masyarakat memahami kepentingan ilmu dan persediaan dalam mendirikan rumah tangga (atas dan kanan).



Pertubuhan Kesejahteraan Psikospiritual Malaysia (PKPM), Dr. Adnan bin Omar, yang bertajuk 'Self-Love First : Memantapkan Diri, Menjemput Jodoh Sejati' yang memberi penekanan terhadap kepentingan memperbaiki dan mengenali diri sebelum membina hidup sebagai suami isteri bersama pasangan.

Berbagai perkara telah disentuh berkaitan pembangunan diri, persediaan perkahwinan dan pembinaan institusi keluarga yang sejahtera.

Pada hari kedua, siri ini diteruskan dengan 'The Ultimate

Wedding Prep : Road to Aku Terima Nikahnya' yang juga menampilkan perkongsian khas daripada Pengasas Wedding Loka, Dayang Ina Hassanani, mengenai persediaan menuju hari perkahwinan.

Pada hari yang sama, Dr. Adnan sekali lagi menyampaikan perkongsian mengenai 'Marriage Goals 101 : Bina Rumah Tangga Kasih Sayang' serta '#LoveLocked : Panduan Lengkap Bakal Pengantin' yang membincangkan panduan membina institusi keluarga yang harmoni, komunikasi dalam

perkahwinan serta realiti kehidupan berumah tangga.

Di samping sesi perkongsian ilmiah, program ini turut menyediakan ruang pameran daripada Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga (BKNK), Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, yang menyediakan kaunter khidmat nasihat serta informasi khidmat kekeluargaan kepada orang ramai.

Program diakhiri dengan sesi maklum balas yang amat positif daripada para peserta.

Mereka menyatakan rasa puas hati terhadap penganjuran program ini serta mengakui bahawa program tersebut banyak membantu mereka menilai semula diri, memperbetulkan niat dan meningkatkan tahap kesediaan sebelum melangkah ke alam perkahwinan.

Selain itu, ramai peserta turut berharap agar siri program seumpama ini dapat diteruskan dan diadakan lagi pada masa akan datang.

Pihak penganjur berharap program ini dapat menjadi platform yang bermanfaat dalam membantu masyarakat memahami kepentingan ilmu dan persediaan dalam mendirikan rumah tangga.

Siaran Akhbar dan Foto : Belia Syababurroja, Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah

KIARONG, Isnin, 18 Mei. - Persatuan Afiyah dengan kerjasama Belia Syababurroja baru-baru ini menganjurkan Program Pra Perkahwinan Bersiri 2026 bertemakan 'The Journey to I Do' pada 16 hingga 17 Mei 2026 bertempat di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong.

Program dua hari tersebut dihadiri oleh 215 orang ramai yang berminat mengenai persediaan

menjalani alam perkahwinan.

Para peserta telah mengikuti empat siri yang menyentuh aspek persediaan mental, emosi, spiritual dan praktikal dalam membina rumah tangga.

Moderator sesi penyampaian telah dikendalikan oleh Dayang Nur Fairuza Syahirah binti Haji Marsidi.

Siri ini bermula dengan penyampaian oleh Pengerusi



MINDA PEMBACA

Nilai masa dalam membentuk kejayaan individu

NILAI masa boleh difahami dalam dua konteks iaitu konsep kewangan dan konsep perspektif kehidupan. Dua konsep ini sangat membantu dalam membentuk kejayaan individu dan ianya bergantung pada nilai masa itu sendiri.

Dalam konteks kewangan, pengurusan masa yang berkesan berkait rapat dengan keupayaan seseorang merancang dan membuat keputusan yang bijak. Individu yang menghargai masa akan merancang perbelanjaan, menyusun bajet dan menetapkan matlamat kewangan jangka pendek serta jangka panjang. Sebagai contoh, mereka tidak menangguhkan kerja atau peluang yang boleh menjana pendapatan.

Sebaliknya, mereka memanfaatkan masa untuk meningkatkan kemahiran, mencari sumber pendapatan tambahan atau membuat simpanan mahupun pelaburan yang menguntungkan. Kesannya, kewangan mereka lebih stabil dan tidak mudah terjerumus dalam masalah hutang.

Selain itu, nilai masa juga membantu individu mengelakkan pembaziran. Masa yang dibazirkan sering membawa kepada pembaziran wang, seperti membeli sesuatu atas dasar kemahuan. Individu yang mengurus masa dengan baik akan mengutamakan keperluan berbanding kemahuan atau kehendak. Ini membolehkan mereka mengawal perbelanjaan dan menabung untuk

masa depan.

Dari sudut kehidupan pula, pengurusan masa yang baik membantu mewujudkan keseimbangan antara kerjaya, keluarga dan rehat. Individu perlu bijak dalam merancang masa secara seimbang agar tidak berlaku tekanan yang berlebihan. Pengurusan masa yang baik mewujudkan keseimbangan antara kerja, keluarga, dan kesihatan demi kehidupan yang bahagia.

Di samping itu, nilai masa juga membentuk disiplin dan sikap tanggungjawab dalam diri seseorang. Menepati masa menunjukkan seseorang itu menghormati orang lain dan komited terhadap tugas. Dalam dunia pekerjaan, individu yang berdisiplin dan menepati masa lebih

dipercayai serta berpeluang untuk dinaikkan pangkat. Ini secara tidak langsung menyumbang kepada peningkatan pendapatan dan kestabilan kewangan.

Kesimpulannya, nilai masa adalah asas penting dalam membentuk kejayaan individu. Masa adalah anugerah yang tidak ternilai dan tidak boleh diganti apabila telah berlalu. Masa yang dibazirkan akan membawa kerugian. Oleh itu, kejayaan memerlukan pengurusan masa yang berkesan.

Nama : Muhammad Hifni bin Saini
No. K/P : 01-049XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Pelibatan Belia dalam Industri Pembinaan : Cabaran dan Peluang'. Tarikh Tutup : 20 Mei 2026
2. 'Tingkatkan Kesedaran Pencegahan Penyakit Buah Pinggang'. Tarikh Tutup : 27 Mei 2026
3. 'Kesedaran Awam terhadap Bahaya Buli'. Tarikh Tutup : 3 Jun 2026

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JDBM / SH / NASI BERPEK / K / 01 / 2026**

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Mei. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dengan kerjasama Universiti Malaya (UM) melalui Sekretariat Sukarelawan UM (SEKRUM) melaksanakan satu inisiatif khidmat masyarakat di Kampung Ayer iaitu di Kampung Setia 'A' yang merupakan sebahagian daripada Program Pengayaan Antarabangsa (IEP) UM-UBD (UM-UBD International Enrichment Programme (IEP) yang berlangsung dari 17 hingga 21 Mei 2026.

Rombongan dari UM disertai seramai 25 orang diketuai oleh Pegawai Pengiring, Khairuddin manakala Timbalan Dekan Pelajar, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UBD, Dr. Haji Rozaiman bin Makmun pula mengetuai seramai 15 orang daripada pihak UBD. Sementara penyertaan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Perdana Wangsa Haji Mohamad Kampung Setia ialah 15 orang.

Program tersebut memberi tumpuan kepada pertukaran budaya, penglibatan masyarakat, jangkauan pendidikan dan pembangunan pelajar melalui pembelajaran berasaskan pengalaman.

Inisiatif ini menghimpunkan

para pelajar dari kedua-dua buah universiti untuk bekerjasama dengan masyarakat setempat dalam aktiviti pembersihan sungai serta kerja-kerja penyelenggaraan di Masjid Perdana Wangsa Haji Mohamad Kampung Setia termasuk usaha membersihkan luar dan dalam serta mengecat garaj masjid berkenaan.

Para peserta juga mengecat pondok menunggu (*waiting point*) bagi kegunaan penduduk kampung untuk menanti anak-anak mereka turun bas selepas pulang dari sekolah.

Selain itu, mereka juga menjalankan kerja mengutip sampah yang terapung di sebahagian Sungai Brunei dengan menaiki perahu bot sekali gus menyaksikan keunikan Kampung Ayer.

Aktiviti-aktiviti ini menyumbang kepada penjagaan ruang kongsi komuniti di samping memupuk semangat kerjasama yang utuh dan saling menghargai antara para peserta dan penduduk kampung.

Para peserta turut berinteraksi dengan penduduk tempatan Kampung Setia 'A', sekali gus memperoleh pemahaman secara langsung mengenai warisan, kehidupan seharian dan identiti

budaya Kampung Ayer.

Sesi interaksi tersebut memperkayakan lagi pemahaman budaya dan memperkuat penghargaan terhadap peranan komuniti dalam memelihara warisan perkampungan di atas air yang unik.

Dayang Siti Nurlila binti Haji Salleh, selaku Setiausaha Jawatankuasa Penganjur, mengongsikan bahawa pengalaman tersebut memberikan pembelajaran yang bermakna di luar kelas.

"Penglibatan secara langsung dengan masyarakat membolehkan pelajar membina sifat empati, tanggungjawab dan pemahaman yang lebih mendalam tentang pembelajaran berkhidmat dalam konteks kehidupan sebenar," katanya.

Program diakhiri dengan ucapan penghargaan yang diarahkan kepada penduduk Kampung Setia 'A' atas kerjasama dan sokongan mereka sepanjang



PROGRAM Pengayaan Antarabangsa UM-UBD memberi tumpuan kepada pertukaran budaya, penglibatan masyarakat, jangkauan pendidikan dan pembangunan pelajar melalui pembelajaran berasaskan pengalaman.

aktiviti dijalankan.

Program Pengayaan Antarabangsa UM-UBD terus menekankan kepentingan pembelajaran berasaskan pengalaman dan silang budaya,

sekali gus menterjemahkan kerjasama antarabangsa kepada impak masyarakat yang bermakna di samping memperkukuh pembangunan pelajar dan apresiasi budaya.

Mahkamah Tinggi benarkan perlucutan hak wang tunai, harta



■ Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Mohammad Faizan dan isterinya juga didapati telah sengaja mengambil langkah untuk menyembunyikan aset mereka dengan mengagihkannya kepada ahli keluarga yang dipercayai serta individu yang mempunyai kaitan dengan sindiket tersebut, sebagai usaha untuk mengelakkan aset berkenaan daripada dikesan dan dirampas.

Timbalan Pendakwa Raya, Syafina Abdul Hadzid dan Mohammad Syafie Habibuallah Edi Mirhan telah memohon bagi perlucutan hak tersebut. Kedua-dua responden tidak membantah permohonan berkenaan.

Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Besar, Yang Arif Haji Abdullah Soefri bin POKSM DSP Haji Abidin mengisytiharkan harta yang dirampas tersebut sebagai harta tercemar di bawah CARO dan memerintahkan agar ia dilucutkan hak kepada Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Perintah perlucutan hak ini merupakan kejayaan besar pertama yang terhasil daripada Operasi Musang King dan menandakan satu pencapaian penting dalam usaha mengekang hasil kewangan daripada aktiviti pendedaran dadah.

BKN ingin mengingatkan orang ramai supaya sentiasa berwaspada dan mengelakkan sebarang penglibatan dalam aktiviti berkaitan penyembunyian hasil yang diperoleh daripada kegiatan jenayah. Ini termasuk memegang aset bagi pihak orang lain, khususnya individu yang latar belakang dan sumber kewangannya tidak jelas. BKN akan terus mempergiatkan operasi menentang sindiket dadah di Negara Brunei Darussalam.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 19 Mei. - Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan Pendakwa Raya di bawah Perintah Mendapatkan Kembali Aset Jenayah, 2012 (CARO) bagi perlucutan hak wang tunai dan harta bernilai keseluruhan BND143,274.40 yang dimiliki oleh dua individu.

Pada 15 September 2020, Mohammad Faizan bin Ahmad dan isterinya, Atin Suprihatin telah ditangkap oleh Biro Kawalan Narkotik (BKN) kerana disyaki terlibat dalam sindiket pendedaran dadah yang dikendalikan oleh keluarga, yang berjaya ditumpaskan oleh BKN melalui operasi yang dikenali sebagai Musang King.

Susulan penangkapan tersebut, wang tunai, barang kemas emas dan kenderaan telah dirampas kerana disyaki diperolehi dengan menggunakan hasil aktiviti pendedaran dadah.

Dalam siasatan BKN mendapati bahawa Mohammad Faizan terlibat secara aktif dalam kegiatan pendedaran dadah dan memperoleh bekalan dadah daripada ahli keluarganya yang telah pun didakwa dan kini sedang dibicarakan di Mahkamah Tinggi atas kesalahan memiliki Methylamphetamine, iaitu dadah terkawal Kelas 'A', bagi tujuan pendedaran yang bertentangan dengan Bab 3A Akta Penyalahgunaan Dadah serta bagi kesalahan pembersihan wang haram di bawah Bab 3 CARO.



Foto : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

Kuih Mor Legend Kampung Kota Batu

BAHAN-BAHANNYA :
16oz minyak sapi
2 biji telur
2kg tepung
1/2kg gula halus

CARA-CARA MEMBUATNYA :
Minyak sapi digaulkan dengan telur. Lepas itu, masukkan tepung. Kemudian diuli sehingga tidak lekat di tangan. Setelah itu,

adunan tadi kita bulat-bulatkan lalu dibakar sehingga masak. Selepas masak barulah diuli dengan gula. Siap untuk dihidangkan.



Hobi penyeri kehidupan

Rencana dan Foto : Nurdianah Rajami

DALAM meniti kehidupan dunia yang penuh dengan dugaan serta cabaran seperti tekanan di tempat kerja, hubungan sesama insan, serta persekitaran sekeliling mampu memberi impak kepada ketidaktenteraman hati.

Ketenangan dalam hidup tidak akan datang dengan sendirinya jika bukan kita yang mencari dan salah satunya menerusi hobi. Bagaikan penyeri sebuah kehidupan, setiap orang pasti mempunyai hobi yang dilakukan pada waktu senggang. Walau apa jua hobi yang dilakukan pastinya berlandaskan minat yang terlahir dari jiwa. Barulah timbulnya bibit-bibit kepuasan dan keseronokan sehingga mampu merehatkan diri sejenak dengan pelbagai kesibukan harian.

Mekarnya mencoret cahaya ketenangan

Berasa detik-detik kedamaian dan ketenangan hanya dengan melihat keindahan tumbuh-tumbuhan yang segar dan mekar lebih-lebih di kala jiwa dan raga

terasa letih, begitulah yang dapat dinikmati bagi insan-insan pencinta bunga-bunga sebagai hobi dalam meniti kehidupan sehari-hari.

Tanpa mengira pagi dan senja, seperti menjaga naluri hati daripada segala keburukan, samalah juga segala jenis bunga-bunga perlu dijaga dengan penuh kasih sayang. Indah bentuk dan coraknya mampu mencoretkan cahaya ketenangan dan kegembiraan pada hati para pencintanya.

Begitu juga hakikat bunga-bunga seperti bunga orkid, bunga mawar, kaktus dan sukulen, dan sebagainya di halaman rumah, apabila dibelai dengan penuh kasih sayang, ia akan mekar dan kelihatan cantik dan ceria. Seandainya tidak maka layulah bunga-bunga itu dan rosaklah sebuah cinta sejati padanya.

Seni anyaman jadi terapi diri

Apabila kita berbicara mengenai pelbagai jenis seni kraf tangan seperti seni *crochet* atau mengait, seni anyaman bakul dan

sebagainya, semua itu merupakan aktiviti yang mencipta produk-produk seni kraf tangan yang memerlukan jiwa kesabaran dan daya kreativiti para penggemar hobi tersebut.

Di sebalik usaha ketekunan dan ketelitian para pencinta seni hobi ini, ia juga sebagai terapi diri sehingga mampu mencetuskan ketenangan jiwa. Justeru, seni sedemikian juga boleh menjadi sumber pendapatan untuk mereka yang meminatinya.

Barangan antik bagi teman sejati

Selain itu, aktiviti mengumpul barang-barang antik juga dianggap sebagai salah satu hobi yang sememangnya bagaikan teman sejati para penggemarnya yang kebiasaannya tersimpan banyak kenangan padanya.

Meliputi barangan masyarakat sewaktu zaman silam yang sudah berusia antaranya wujud sekitar puluhan tahun malah ada juga yang mencecah ratusan tahun atau lebih itu antaranya seterika arang, celapa, lampu minyak, piring, tindulang, tajau, duit syiling dan sebagainya.

Tersimpannya pelbagai koleksi barang-barang lama, bukan hanya didasari dengan rasa minat semata-mata bahkan sesetengah penggemar juga bertujuan untuk membantu memelihara barang-barang lama dengan baik bagi mengekalkan keunikannya sesebuah nilai sejarah, warisan dan budaya sehingga sedikit sebanyak menjadi khazanah berharga untuk ristaan generasi yang akan datang. Penggemar hobi jenis ini juga mampu mewujudkan kepuasan tersendiri daripada barangan antik yang dikumpulkan sehingga mencetus keuntungan jika dia menjual barangan antik tersebut kerana hakikat barangan antik itu semakin tua usianya maka semakin tinggi harga dan nilainya.

Ikan hiasan miliki keistimewaan tersendiri

Memelihara ikan hiasan juga boleh dianggap hobi kepada para pencintanya. Tidak kira golongan usia, mereka biasanya menempatkannya di dalam akuarium dihias cantik di ruang atau sudut kediaman masing-masing. Dengannya ia mampu memberi keindahan pada mata-mata yang memandangnya.

Suasana ketenangan juga akan dapat dirasai oleh para penggemarnya tatkala menatap dan meneliti gerak-geri serta keunikan yang dimiliki oleh ikan-ikan eksotik.

Dengan tersematnya sebuah perasaan seakan-akan 'jatuh cinta' kepada ikan hiasan, mereka berusaha menyelami hal ehwal dunia ikan hiasan dengan sebaik-baiknya. Hanya mereka yang mengetahui apa keistimewaannya dan kebaikan di sebalik misi penerokaan ikan hiasan bermula dari pengetahuan asas sehinggalah ke tahap yang lebih kompleks.

Jiwa bersatu bersama khazanah alam

Sesetengah orang menganggap aktiviti lasak mendaki bukit ini sebagai satu hobi bersama keluarga, saudara mara serta sahabat handai yang mana ia merupakan satu aktiviti yang bukan sahaja memberikan keseronokan tetapi juga memupuk amalan gaya hidup sihat.

Pastinya, keseronokan dan kepuasan ini tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata selepas berjaya menjejaki, mendaki dan merentasi laluan sukar yang memiliki pemandangan indah ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala dengan khazanah kehijauan alam semula jadi yang begitu menakjubkan dari puncaknya. Lebih-lebih lagi dengan adanya keindahan panorama air terjun yang sungguh mempesona yang apabila dinikmati seketika deruan aliran air yang dingin itu mampu memberikan kesegaran diri.

Begitu juga halnya, insan-insan yang meminati sukan basikal bukit atau Mountain Bike (MTB). Memang lumrah dalam berbasikal, kelajuan menjadi elemen penting namun dalam sukan ekstrem ini, kelajuan sahaja tidak mencukupi jika diri sendiri tidak cukup kental untuk meredah laluan yang mencabar. Di atas kecintaan dalam sukan ekstrem ini, mereka bersatu menerokai aksi-aksi lasak sebagai hobi lebih-lebih lagi dalam mengisi masa lapang.

Perlunya keseimbangan hidup

Hobi seseorang itu memiliki variasi tertentu yang berawal dari 'suka-suka' menjadi *passion* sehingga rata-rata mampu mencetuskan sebuah kegembiraan dan ketenangan peribadi. Ada yang gemar mencurahkan ekspresi diri menerusi seni lukisan malah dalam seni hiburan seperti nyanyian dan bermain alat muzik.

Benar tiada kehidupan yang sempurna kerana lumrah manusia memiliki pasang surut dalam melayari bahtera kehidupan. Namun hakikatnya apa yang kita perlukan dalam kehidupan adalah keseimbangan hidup.





Pendidikan yang berkualiti, jaminan masa depan

Oleh : Muhammad Ali Norhadi Abdullah Mohammad Noh, Penempatan Alumni
Universiti Islam Sultan Sharif Ali di Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

PADA zaman yang serba canggih ini, teknologi menjadi keutamaan dan memainkan peranan penting di dalam setiap aktiviti dan tugas harian termasuk dalam bidang pendidikan. Teknologi diaplikasikan dalam bidang pendidikan melalui sistem pembelajaran khususnya di alam persekolahan dan institusi pengajian tinggi. Ini membuktikan bahawa penggunaan teknologi dalam pendidikan adalah salah satu keperluan bagi menaik taraf sistem pembelajaran dan menjadi persediaan bagi masyarakat pada masa depan. Ini kerana teknologi menjadi salah satu sumber yang boleh mendatangkan idea yang kreatif dan inovatif serta ilmu pengetahuan yang lebih luas terhadap pelajar. Oleh itu, penggunaan teknologi dalam pendidikan menjadi keutamaan dalam bidang pendidikan bagi menaik taraf sistem pendidikan yang berkualiti.

Di era yang mencabar ini, pendidikan yang berkualiti adalah salah satu kunci utama bagi menjamin masa depan masyarakat. Salah satu kepentingan masyarakat yang berpendidikan adalah sebagai persiapan seseorang itu untuk mengembangkan bakat dan potensi diri. Ini kerana mempunyai potensi diri dan kebijaksanaan akan mempengaruhi seseorang itu untuk menghasilkan idea yang bernas dan menjadi pencetus inovasi yang kreatif. Ini membuktikan hasil daripada pembelajaran yang teratur dan efisien menjadikan seseorang itu mempunyai potensi diri dari segi kemahiran menerusi bidang pembelajaran dan kecerdasan minda berfikir.

Selain itu, pendidikan yang berkualiti juga dapat membentuk sahsiah dan nilai murni terhadap individu. Pembentukan sahsiah dan nilai murni adalah mustahak dalam melahirkan seseorang itu menjadi individu yang berkualiti. Pelajar dapat meningkatkan disiplin diri melalui pendidikan yang mana dapat melatih diri untuk menjadi orang yang berdisiplin dan komited terhadap tanggungjawab yang dipikul. Di samping itu, pendidikan yang berkualiti juga mampu melahirkan masyarakat yang berintegriti serta menyumbang kepada masyarakat yang sejahtera. Setiap individu itu memiliki

nilai-nilai murni yang sudah disemai sejak di alam persekolahan, ia akan menjadikan seseorang itu berpegang teguh pada prinsip kebaikan dan tidak mudah untuk terpengaruh kepada membuat perkara yang salah. Justeru, ia akan menyumbang kepada masyarakat sejahtera dan penduduk yang sentiasa aman dan harmoni. Tambahan pula, ia juga membantu seseorang itu untuk mengawal tingkah laku untuk membuat perkara yang baik dan berkelakuan sopan-santun serta hormat menghormati terhadap masyarakat sekeliling.

Pendidikan yang berkualiti sudah tentu akan menjamin masa depan individu khususnya dan masyarakat umumnya. Ini kerana dengan pendidikan akan dapat membantu seseorang itu untuk menjadi insan yang berguna dan berkemahiran serta mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dan berpeluang untuk melanjutkan pembelajaran ke tahap yang lebih tinggi untuk kemajuan diri. Tambahan pula, peluang untuk mendapatkan kerjaya dan kestabilan masa depan akan terbuka luas dengan adanya ilmu pengetahuan. Ia boleh dicapai hasil daripada pendidikan yang berkualiti dan pembelajaran secara sistematik yang mana membantu individu itu untuk mendapat matlamat pembelajaran yang diinginkan serta berpotensi untuk melanjutkan lagi pendidikan

hingga ke menara gading.

Ibu bapa juga memainkan peranan yang penting dalam mendidik anak-anak. Ibu bapa harus sentiasa memantau pembelajaran anak-anak supaya mereka sentiasa peka dan tidak bermalas-malasan dalam pembelajaran. Sebagai contoh, ibu bapa harus memantau anak-anak untuk membuat kerja rumah sekiranya diberikan oleh pihak guru. Selain itu, ibu bapa juga perlu menasihati dan menyuntik semangat anak-anak supaya mereka sentiasa bersemangat dan mendapat kepercayaan daripada ibu bapa bahawa mereka mampu untuk belajar hingga ke tahap yang lebih tinggi. Sudah tentu ibu bapa inginkan anak-anak mereka menjadi seorang yang berjaya dan berilmu pengetahuan yang luas. Oleh itu, ibu bapa haruslah sedar betapa pentingnya tanggungjawab untuk memberi perhatian yang penuh dan mendorong ke arah kebaikan terhadap anak-anak. Anak-anak haruslah diberikan contoh dan pengajaran yang baik supaya mereka dapat mempraktikkan dan mendisiplinkan diri serta mengawal tingkah laku mereka. Ibu bapa yang sering mendoakan kejayaan anak-anak secara konsisten akan dapat melihat kejayaan anak-anak untuk masa depan.

Wawasan Brunei 2035 ialah pelan jangka panjang Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk memastikan kemajuan dan kesejahteraan rakyat. Salah satu matlamat yang ingin dicapai ialah rakyat yang

berpendidikan tinggi dan berkemahiran. Ini bermakna pendidikan yang berkualiti memainkan peranan yang penting terhadap masyarakat bagi mencapai Wawasan 2035. Antara tujuan berpendidikan tinggi ini ialah penguasaan ilmu dan berkemahiran moden. Masyarakat adalah digalakkan untuk mencapai tahap pendidikan yang tinggi dan menguasai dalam pelbagai bidang dan berkemahiran profesional agar mampu bersaing di peringkat global. Selain itu, ia juga mampu meningkatkan daya saing negara yang mana masyarakat yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran tinggi akan menjadikan NBD lebih maju serta mampu bersaing dengan negara yang lain.

Kesimpulannya, pendidikan yang berkualiti merupakan asas penting yang mendorong kepada kemajuan negara. Selain itu, ia juga menjadi satu potensi untuk setiap individu mengambil peluang untuk mendapatkan ilmu yang bermanfaat serta berkemahiran yang profesional. Pendidikan yang berkualiti juga dapat membentuk seseorang untuk berjaya dan masyarakat yang maju serta berdaya saing. Tambahan pula, ia membentuk setiap individu menjadi orang yang bertanggungjawab dan berdisiplin dalam melakukan pelbagai perkara. Akhirnya, pendidikan yang berkualiti sudah tentu akan menjamin masa depan yang cerah dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kemajuan negara serta masyarakat yang harmoni.





WABAK DIFTERIA MENULAR DI AUSTRALIA

CANBERRA, 19 Mei. - Wabak difteria yang terdeteksi di Wilayah Utara Australia, antara yang terbesar di negara itu dalam beberapa dekad, kini menular ke negeri jiran Queensland dan Australia Selatan, menurut pihak berkuasa kesihatan pada Selasa,

lapor Xinhua. Sebanyak 133 kes direkodkan di Wilayah Utara sejak wabak itu bermula selain enam kes di Australia Selatan dan lima kes di Queensland, menurut sistem pengawasan penyakit kebangsaan. Menteri Kesihatan Mark Butler memberitahu Perbadanan Penyiaran Australia (ABC) wabak itu 'mungkin yang terbesar' dilihat dalam beberapa dekad dan

mengesahkan bahawa pihak berkuasa sedang menyiasat kematian yang disyaki berkaitan difteria. Wabak berkenaan turut menjangkiti masyarakat peribumi terutamanya di kawasan terpencil. Pegawai kesihatan bekerjasama dengan perkhidmatan perubahan peribumi untuk mengembangkan usaha ujian dan vaksinasi. Difteria, yang pernah menjadi punca utama kematian

kanak-kanak, boleh dicegah menerusi vaksinasi namun boleh meningkat semula apabila imuniti berkurangan. Pihak berkuasa kini mengesyorkan suntikan penggalak setiap lima tahun untuk orang dewasa yang berisiko, disingkatkan daripada selang 10 tahun sebelumnya. Pemimpin kesihatan tempatan berkata ribuan di Australia Tengah masih belum mengambil dos

penggalak, walaupun pengambilan meningkat dalam beberapa minggu kebelakangan ini. Sekitar 15 hingga 20 kes baharu dilaporkan setiap minggu di seluruh Wilayah Utara, lapor ABC. Pegawai menggesa sesiapa sahaja yang mengalami simptom, termasuk sakit tekak atau jangkitan kulit, untuk mendapatkan ujian segera dan usaha diperhebat untuk membendung wabak itu. - ©BERNAMA

5 maut, termasuk 2 suspek dalam insiden tembakan di Pusat Islam San Diego

WASHINGTON, 19 Mei. - Lima individu, termasuk dua yang disyaki melepaskan tembakan, maut dalam insiden tembakan di Pusat Islam San Diego pada Isnin, lapor Anadolu Ajansi (AA) memetik pegawai penguat kuasa undang-undang.

"Apa yang kami tahu setakat ini ialah terdapat tiga lelaki dewasa yang meninggal dunia," kata Ketua Polis San Diego Scott Wahl, merujuk kepada tiga mangsa berkenaan, sambil menambah bahawa dua suspek turut maut.

Wahl, ketika bercakap pada sidang media selepas pihak berkuasa sebelum ini mengisytiharkan ancaman itu telah berjaya ditangani, berkata seorang daripada mangsa yang maut merupakan pengawal keselamatan yang bertugas di pusat berkenaan.

"Oleh kerana lokasi kejadian adalah di pusat Islam, kami menganggap kejadian ini sebagai jenayah kebencian sehingga

dibuktikan sebaliknya, dan ketika ini kami akan bekerjasama rapat dengan Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) untuk memastikan kami mempunyai semua sumber yang diperlukan bagi siasatan ini," katanya.

Wahl turut berkata semua kanak-kanak di pusat itu, yang turut mempunyai sebuah sekolah di lokasi sama, berada dalam keadaan selamat.

Terdahulu pada Isnin, pihak berkuasa berkata anggota polis bertindak balas terhadap laporan insiden penembak aktif di pusat berkenaan, yang terletak di kawasan kejiranan Clairemont berhampiran blok 7,000 Eckstrom Avenue. Presiden Donald Trump menyifatkan insiden tembakan itu sebagai "situasi yang dahsyat".

"Mereka sedang memberikan taklimat mengenainya ...dan ia adalah situasi yang dahsyat. Saya telah menerima beberapa maklumat awal, tetapi kami akan menelitinya semula dengan sangat

serius," kata Trump kepada pemberita di Rumah Putih.

Sementara itu, Pengarah Pusat Islam San Diego Taha Hassane memberitahu pemberita bahawa tindakan menyasarkan rumah ibadat adalah sesuatu yang "amat melampau". "Kami tidak pernah mengalami tragedi seperti ini sebelum ini," kata Hassane. "Orang ramai datang ke pusat Islam untuk menunaikan solat, merayakan sesuatu dan belajar, bukan hanya umat Islam ...Pagi tadi sahaja, sekumpulan individu bukan Islam datang semata-mata untuk mempelajari tentang agama dan budaya kami. Jadi ini sesuatu yang tidak pernah kami jangkakan."

Sejurus selepas kejadian itu, pegawai memberitahu Anadolu bahawa "beberapa individu dilaporkan rebah", namun mereka tidak dapat mengesahkan jumlah sebenar mangsa yang terlibat.

Polis dan Datuk Bandar San Diego Todd Gloria menggesa penduduk supaya mengelakkan

kawasan berkenaan dan mematuhi arahan pegawai keselamatan awam. Pejabat Gabenor California Gavin Newsom memaklumkan bahawa beliau telah diberi taklimat mengenai situasi itu.

"Kami berterima kasih kepada petugas barisan hadapan di lokasi yang berusaha melindungi komuniti dan menggesa semua pihak mematuhi panduan pihak berkuasa tempatan," menurut kenyataan itu.

Majlis Hubungan Amerika-Islam (CAIR) di San Diego turut mengeluarkan kenyataan selepas kejadian itu, dengan menyatakan pada peringkat awal bahawa sekurang-kurangnya seorang mangsa telah terkorban. "...Tiada sesiapa pun yang sepatutnya berasa takut akan keselamatan diri ketika menghadiri solat atau belajar di sekolah rendah," menurut CAIR di platform X. - ©BERNAMA

Rusia komited perkukuh hubungan dengan China

BEIJING, 19 Mei. - Presiden Rusia Vladimir Putin berkata Rusia komited memperkukuh hubungan persahabatan dan persefahaman dengan China. Beliau berkata demikian dalam ucapan video menjelang lawatan rasminya ke China pada Isnin.

"Saya yakin kita akan terus berusaha bersama-sama untuk mengintensifkan hubungan persahabatan, mendorong pembangunan kedua-dua negara ke arah kemakmuran yang lebih besar, supaya membawa lebih banyak manfaat kepada rakyat, serta menyumbang kepada usaha memelihara keselamatan dan kestabilan global," kata Putin.

Putin dijadual mengadakan lawatan rasmi ke China pada 19 hingga 20 Mei. Ini merupakan lawatan kali ke-25 Putin ke China. - ©BERNAMA

10 maut dalam serangan bersenjata di tengah Mexico

MEXICO CITY, 18 Mei. - Sekurang-kurangnya 10 orang maut pada awal pagi Ahad dalam serangan oleh individu bersenjata yang tidak dikenali di Tehuizingo, sebuah kawasan perbandaran di negeri Puebla, tengah Mexico, menurut pihak berkuasa tempatan, lapor Xinhua.

Mangsa serangan yang berlaku di sebuah komuniti Orang Asli itu terdiri daripada enam lelaki, tiga wanita dan seorang kanak-kanak bawah umur, menurut Kementerian Keselamatan Awam negeri berkenaan.

Keselamatan di kawasan itu telah dipertingkatkan dengan sokongan anggota tentera, kata Setiausaha Keselamatan Awam Puebla Francisco Sanchez.

Pendakwa Raya Puebla Idamis Pastor Betancourt berkata satu daripada skop siasatan menjerus kepada kemungkinan melibatkan isu keluarga, sambil memaklumkan hasil siasatan awal mendapati enam mangsa adalah daripada keluarga yang sama manakala empat lagi merupakan pekerja.

Pihak pendakwa raya telah membawa keluar mayat mangsa dan mengumpul bahan bukti sebagai sebahagian daripada siasatan.

Pasukan keselamatan telah melancarkan operasi bagi mengesan dan menahan pihak yang bertanggungjawab, manakala penyiasat terus berusaha untuk menentukan motif di belakang serangan itu. - ©BERNAMA

bumi bermagnitud 7.7 melanda Wilayah Sagaing di Republik Kesatuan Myanmar, mencetuskan gegaran berukuran magnitud 6.4 di beberapa kawasan di Thailand. Gegaran itu menyebabkan

runtuhan di tapak pembinaan ibu pejabat baharu Pejabat Audit Negara di daerah Chatuchak, Bangkok, sekali gus memerangkap kira-kira 90 pekerja pembinaan di bawah runtuhan. - ©BERNAMA

Gunung Ibu meletus di Maluku Utara, tiang abu setinggi 800m

JAKARTA, 19 Mei. -Gunung Ibu di Pulau Halmahera di wilayah Maluku Utara Republik Indonesia meletus pada pagi Selasa, memuntahkan tiang abukira-kira 800 meter di atas puncaknya.

Pemangku Ketua Agensi Geologi Lana Saria berkata letusan gunung berapi setinggi 2,125 meter itu berlaku pada 9.24 pagi waktu tempatan, dengan awan abu kelabu berintensiti tebal hanyut ke arah barat laut.

"Letusan itu direkodkan pada seismograf dengan amplitud maksimum 28 milimeter dan berlarutan kira-kira empat minit satu saat," katanya, menurut Agensi BeritaANTARA.

Lana berkata pihak berkuasa mengekalkan status berjaga-jaga Gunung Ibu di Tahap II (Waspada), tahap kedua terendah dalam sistem amaran gunung berapi empat peringkat Indonesia dan menasihati penduduk, pelawat

dan pelancong supaya tidak melakukan aktiviti dalam radius dua kilometer dari kawah aktif.

"Sekatan itu juga diperluas ke kawasan sektoral dalam lingkungan 3.5 kilometer ke arah pembukaan kawah utara, manakala penduduk digesa memakai topeng muka dan cermin mata pelindung semasa hujan abu gunung berapi bagi meminimumkan risiko kesihatan," tambahnya. - ©BERNAMA

Gempa bumi sederhana di Republik Kesatuan Myanmar, gegaran turut dirasakan di Thailand

BANGKOK, 18 Mei. - Gempa bumi bermagnitud 5.3 melanda perairan Republik Kesatuan Myanmar pada 9.05 pagi hari ini, dengan gegaran turut dirasakan di beberapa kawasan di Thailand termasuk Bangkok, menurut pihak berkuasa Thailand pada Isnin.

Jabatan Meteorologi Thailand melaporkan bahawa gempa bumi itu berlaku pada kedalaman 10 kilometer di bawah dasar laut.

"Ia diklasifikasikan sebagai gempa bumi sederhana, dengan pusat gempa terletak berhampiran pantai selatan Republik Kesatuan

Myanmar, kira-kira 247 kilometer barat daya daerah Mae Sot di wilayah Tak, barat Thailand," menurut jabatan itu dalam satu kenyataan.

Bahagian Pemerhatian Gempa Bumi Thailand memaklumkan bahawa gempa itu berlaku pada 9.05 pagi waktu tempatan, dengan gegaran dirasakan oleh penduduk di bangunan tinggi di daerah Bang Rak, Lak Si, Pathum Wan dan Sathon di Bangkok, selain di pejabat Pentadbiran Metropolitan Bangkok dan lokasi lain.

Media tempatan Thailand turut

melaporkan bahawa penduduk di Bangkok, Chiang Mai, Lampang dan Nonthaburi mengemukakan kira-kira 40 laporan kepada bahagian itu, memaklumkan bahawa mereka merasai gegaran serta mengalami rasa loya yang singkat.

Kebanyakan laporan diterima daripada individu yang berada di dalam bangunan di Bangkok.

Jabatan Sumber Mineral mengaitkan gempa bumi itu dengan pergerakan di sepanjang Sesar Sagaing di Laut Andaman.

Pada 28 Mac tahun lalu, gempa

Supa Strikas juara Battle of BD Inter-District Futsal 2026



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Mei. - Supa Strikas yang mewakili Daerah Tutong berjaya menjuarai Kejohanan, Battle of BD Inter-District Futsal 2026 selepas berhasil mengutip 7 mata pada perlawanan yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, baru-baru ini.

Sementara itu, COT JPKK dari Daerah Temburong pula menduduki naib juara, manakala pasukan dari Daerah Belait, iaitu S58 Futsal Hotspur menduduki tempat ketiga.

Akademi Futsal Ar-Rawda yang

**Siaran Akhbar dan Foto :
Ahli Jawatankuasa Battle of
BD Inter-District Futsal 2026**

mewakili Daerah Brunei dan Muara berada di tempat keempat.

Kejohanan julung kali itu turut menyaksikan pemain Supa Strikas, Awang Abdul Rash Amirul Akram bin Abdul Rashid dipilih selaku Pemain Terbaik kejohanan, manakala Md. Ameer Danish Alizam (COT JPKK) dari Daerah Temburong dinobatkan sebagai Goleiro Terbaik.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Ketua Jurulatih Kelab Futsal Kasuka Ar-Rawda, Randy Aditya.

Kejohanan berkenaan merupakan kesinambungan siri kejohanan sukan futsal yang dihasratkan untuk membentuk pembangunan peringkat akar umbi dalam bidang sukan futsal di Negara Brunei Darussalam.



PASUKAN yang menyertai Kejohanan Battle of BD Inter-District Futsal 2026 semasa bergambar ramai bersama pingat masing-masing (atas). Sementara gambar atas kiri, salah seorang pemain yang menerima piala.

PENDAKI NEGARA BERJAYA TAWAN 11 PUNCAK GUNUNG TERTINGGI DI REPUBLIK INDONESIA

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ihsan Ampuan Saiful Rizal Ampuan Hussain**



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Mei. - Kecekalan dan kekuatan jitu dalam pendakian serta dengan semangat juang yang tinggi dan keterujaannya, Ampuan Saiful Rizal bin Ampuan Hussain kali ini tercapai misi menawan 11 puncak

gunung tertinggi di wilayah Jawa Timur, Republik Indonesia dengan keseluruhan ketinggian 24,240 meter dari Meter Di Atas Permukaan Laut (mdpl) dalam masa empat hari sahaja.

Kejayaan misinya dalam waktu

yang begitu singkat itu, siapa sangka pendaki anak tempatan pertama Negara Brunei Darussalam (NBD) berasal dari Kampung Menengah, Daerah Temburong berkenaan berjaya mengukir nama dan juga negara kita sekali gus sangat bersyukur dan bangga apabila berjaya mengibarkan Bendera NBD di puncak 11 gunung berkenaan meskipun pelbagai cabaran dan rintangan yang harus ditempuhi.

Rombongan mereka yang juga disertai oleh empat penyertaan dari Republik Indonesia, iaitu Tumpak Hendry Butar Butar dan Thio Hendro Kristianto serta dua pendaki wanita, Catherine dan Anita yang saling bekerjasama sehingga berjaya menyelesaikan setiap puncak pendakian.

Pelita Brunei dalam temu bual bersama Ampuan Saiful Rizal menceritakan pengalamannya bersama rombongan di bawah urusan Syarikat JE Adventure (Jemmy Affendy), Republik Indonesia yang memulakan pendakian bermula pada 14 sehingga 16 Mei 2026 di Gunung Arjuno (3,339mdpl), Gunung Kembar 1 (3,058mdpl), Gunung Kembar 2 (3,126mdpl) dan juga Gunung Welirang (3,156mdpl) berjaya sampai ke puncaknya dalam masa tiga hari. Jumlah keseluruhannya 12,679 mdpl.

Sementara pada 17 Mei 2026 pula katanya, mereka berjaya menawan tujuh lagi gunung dalam masa sehari, iaitu Gunung kelud 7 Summit, iaitu Sejati Peaks (1,731mdpl), Panama Peaks (1,700mdpl), Wesanggeni Peaks (1,680mdpl), 360 Peaks (1,650mdpl), Balai martyu Peaks (1,550mdpl), Tulungrejo Peaks (1,520mdpl) dan Anak Lembu Suro Peaks (1,730mdpl) yang menjadikannya keseluruhan 11,561mdpl.

Menurutnya lagi, cuaca bagi empat gunung berkenaan begitu mengizinkan namun suhunya menurun dengan begitu sejuk apabila ketika menjelang malam ke waktu subuh.

Selain itu tambahnya, cabaran di gunung Kembar 2 pula terdapatnya wap yang panas di sekelilingnya bersama sulfur (belirang) begitu juga keadaan di gunung Welirang



AMPUAN Saiful Rizal bin Ampuan Hussain kali ini tercapai misi menawan 11 puncak gunung tertinggi di wilayah Jawa Timur, Republik Indonesia (atas dan kiri).

yang masih aktif dengan gunung berapinya kerana terdapat banyak asap sulfur dan juga batu-batu belirangnya.

Sementara semasa pendakian gunung Kelud 7 Summit katanya, cuaca agak berkabus diikuti dengan angin yang agak kuat namun mereka sudah membuat persiapan dengan membawa peralatan-peralatan keselamatan seperti helmet, harness dan lainnya termasuk tali untuk membawa ke puncak dan turun menggunakan kaedah *abseiling*.

Ampuan Saiful Rizal seterusnya menjelaskan sudah setentunya, kejayaan yang digapai berkenaan bukan mudah dan memerlukan persiapan-persiapan awal antaranya latihan intensif yang memfokuskan kepada ketahanan fizikal dan mental selain latihan berlari, pendakian ke bukit-bukit di kawasan Daerah Temburong.

Selain itu, beliau juga sering pergi ke gim bagi memperkuatkan lagi ketahanan fizikal badan serta yang utama adalah menjaga kesihatan termasuk dari segi penjagaan makan dan minum serta

rehat yang mencukupi.

Ampuan Saiful Rizal juga menjelaskan, meskipun kos perbelanjaan kesemuanya ditanggungnya sendiri, akan tetapi keazaman untuk mencapai dan merealisasikan keinginan, beliau terus nekad dan berazam semata-mata hanya untuk pencapaian dirinya sendiri sekali gus mengharumkan nama negara yang tercinta.

Terdahulu, beliau telah berjaya menawan puncak 7 Summit Sembalun Lombok Republik Indonesia pada 2024 diikuti dengan 7 Summit Jawa Tengah Republik Indonesia pada tahun yang lalu.

Ampuan Saiful Rizal menyeru kepada generasi masa kini agar tidak mudah mengalah, teruskan perjuangan demi untuk mencapai apa yang diimpikan kerana impian berkenaan akan dapat digapai dengan usaha dan doa.

Selain itu katanya, jauhlah jenayah dan dadah yang sudah pastinya punca kemusnahan dan keburukan yang merosakkan diri sendiri.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.



ePaper Pelita Brunei



PASUKAN LELA CHETERIA, LUMBA PERAHU MUKIM SABA HARUMKAN NAMA NEGARA

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan Pasukan Lela Cheteria

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 18 Mei. - Pasukan Lela Cheteria dan Pasukan Lumba Perahu Mukim Saba telah berjaya mengharumkan nama Negara Brunei Darussalam (NBD) apabila mara ke peringkat akhir dalam acara Master 45 Tahun Ke Atas sempena Perlumbaan Perahu Naga Kinabalu Master Trophy Antarabangsa Edisi Ke-11 yang berlangsung di Teluk Likas, Sabah, Malaysia, selama dua hari bermula 16 hingga 17 Mei 2026.

Kejohanan tahunan anjuran Persekutuan Persatuan-persatuan Cina Sabah (FCAS) itu merupakan antara acara sukan air berprestij yang sentiasa mendapat perhatian ramai serta menjadi tumpuan dalam kalendar pelancongan Negeri Sabah.

Dalam pertandingan tersebut, Pasukan Lela Cheteria berjaya meraih tempat ketiga pada peringkat akhir bagi acara Master 45 Tahun Ke Atas, sekali gus mencatat pencapaian membanggakan buat negara.

Pada masa yang sama, Pasukan Lela Cheteria bersama Pasukan Lumba Perahu

Mukim Saba turut berjaya menempah tempat ke peringkat akhir bagi perebutan Piala Yang Dipertua Negeri Sabah dalam acara 20 Pekayuh Terbuka Antarabangsa - Malaysia.

Penyertaan pasukan dari NBD itu bukan sahaja menyerlahkan kemampuan atlet tempatan dalam sukan perahu naga, malah turut memperkukuh hubungan serantau menerusi platform sukan dan budaya.

Acara tersebut turut menerima sambutan hangat daripada masyarakat tempatan serta pelancong asing yang hadir menyaksikan perlumbaan penuh aksi dan semangat kesukanan itu.

Menurut Pasukan Lela Cheteria, penyertaan dan kejayaan yang diraih dalam kejohanan berkenaan merupakan satu pengalaman manis dan amat berharga yang akan terus menjadi pembakar semangat untuk mereka bergiat lebih aktif dalam sukan air kompetitif pada masa akan datang.

Selain memupuk semangat kesukanan, kejohanan antarabangsa seperti ini juga dilihat sebagai medan penting dalam memperluas jaringan kerjasama dan persahabatan antara negara jiran di rantau ini.



PASUKAN Lela Cheteria berjaya meraih tempat ketiga pada peringkat akhir bagi acara Master 45 Tahun Ke Atas sempena Perlumbaan Perahu Naga Kinabalu Master Trophy Antarabangsa Edisi Ke-11 yang berlangsung di Teluk Likas, Sabah, Malaysia.

Menggalakkan penduduk mengamalkan gaya hidup aktif



AKTIVITI dimulakan dengan sesi senamrobik sebelum memulakan *brisk walk* (kiri sekali). Manakala gambar kiri, majlis turut diserikan dengan peraduan mewarna bagi kanak-kanak.

Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Kawasan 5 Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor, Mengkubau

MUKIM MENTIRI, Isnin, 18 Mei. - Penduduk kampung Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Panchor, Kawasan 5 baru-baru ini telah menyertai aktiviti *brisk walk* yang dianjurkan oleh Majlis Perundingan Kampung

(MPK) Kawasan 5 RPN Kampung Panchor, Mengkubau bersempena dengan Sambutan Hari Keluarga Kebangsaan (HKK) 2026 sebagai usaha menggalakkan gaya hidup sihat serta mengeratkan silaturahim

dalam kalangan penduduk kampung.

Acara dimulakan dengan sesi senamrobik sebelum para peserta memulakan *brisk walk* melalui laluan di sekitar Jalan Sungai Carana.

Aktiviti berkenaan bermula dan berakhir di rumah Pemangku Ketua Kampung Kawasan 5, RPN Kampung Panchor, Mengkubau,

Awang Haji Hairul Azri bin Haji Salamat.

Majlis turut diserikan dengan penganjuran peraduan mewarna bagi kanak-kanak yang mendapat sambutan menggalakkan daripada penduduk kampung dan ibu bapa yang hadir bersama keluarga masing-masing.

Antara tujuan utama aktiviti berkenaan diadakan adalah bagi

memupuk kesedaran mengenai kepentingan menjaga kesihatan, menggalakkan penduduk mengamalkan gaya hidup aktif serta memperkukuh semangat perpaduan dan kerjasama dalam komuniti kampung.

Aktiviti *brisk walk* berkenaan diadakan secara bulanan dan disertai oleh ahli-ahli MPK Kawasan 5 RPN Kampung Panchor, Mengkubau serta penduduk kampung yang hadir bagi turut sama memeriahkan program berkenaan. Suasana acara berlangsung dengan penuh semangat harmoni dan meriah sempena Sambutan HKK 2026.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

RENUNGAN KEMBALI MAKNA PENGORBANAN, HORMATI KESUCIAN BULAN ZULHIJAH